



LAPORAN TAHUNAN 2023

PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA

www.mfa.org.my/agm



KANDUNGAN

LAPORAN TAHUNAN PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA

PERUTUSAN

PRIHAL MFA

- visi, misi, objektif dan peranan MFA
- Maklumat Korporat
- Kepimpinan MFA
- Profil Ahli Jawatankuasa Utama
- Profil Juruaudit Dalaman
- Tadbir Urus Korporat
- Pasukan Sekretariat
- Statistik Keahlian
- Carta Organisasi
- Ringkasan Kewangan

2
4
5
6
8
14
15
17
18
19
19
20

MINIT MESYUARAT AGUNG

- Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-28

21
22

LAPORAN PROGRAM DAN AKTIVITI

- Penglibatan dengan Industri
- Program Kerjasama
- Pengurusan Acara & Program Latihan
- Sokongan Keahlian
- Program Promosi & Pengiklanan

32
41
46
53
56

LAPORAN KEWANGAN

- Laporan Prestasi Kewangan
- Laporan Juruaudit Bebas
- Laporan Berkanun Jawatankuasa Utama
- Akuan Berkanun Bendahari
- Lembaran Imbangan
- Penyata Pendapatan & Perbelanjaan
- Penyata Penerimaan & Pembayaran
- Nota-Nota kepada Penyata Kewangan

61
62
67
70
70
71
72
73
74

KALENDAR

- Senarai Aktiviti Januari – Disember 2023
- Galeri

83
84
94



PERUTUSAN

PENGERUSI PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA



Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Malaysia Madani.

Setinggi – tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT yang dengan izinNya jua Buku Laporan Tahunan MFA 2023 dapat diterbitkan. Adalah menjadi harapan agar Buku Laporan Tahunan ini dapat menjadi medium untuk menyampaikan maklumat khususnya perjalanan segala aktiviti, inisiatif, gerak kerja dan pencapaian MFA sepanjang tahun 2023.

Tahun 2023 telah menyaksikan pelbagai perkembangan positif dalam industri francais, hasil daripada kerjasama erat dengan semua pemegang taruh – termasuk pihak kerajaan, agensi, penggiat industri francais dan lain-lain. MFA turut memainkan peranan penting dalam memastikan kelangsungan dan pertumbuhan industri ini melalui pelbagai inisiatif, termasuk program pembangunan keusahawanan, program latihan francais, Pameran dan Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia (FIM), Jelajah Francais serta Program Pengukuhan Francais Bagi Meningkatkan Eksport (EFDP) yang memberi galakan kepada jenama francais tempatan untuk meluaskan perniagaan ke luar negara.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli MFA yang telah memberi sokongan penuh dan komitmen yang tidak berbelah bahagi dalam menjayakan setiap aktiviti dan program yang telah dianjurkan. Kejayaan kita pada hari ini adalah hasil daripada dedikasi dan usaha gigih anda semua.

Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan syabas dan tahniah buat Ahli Jawatankuasa termasuk sekretariat MFA atas segala komitmen dalam merealisasikan seluruh

perancangan yang disusun sepanjang tahun 2023. Bagi pihak MFA juga, ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) khususnya Bahagian Pembangunan Francais Dan Vendor, Kementerian Kewangan Malaysia (MoF), Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS), Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), World Franchise Council (WFC), Asia Pacific Franchise Confederation (APFC), agensi-agensi kerajaan, rakan usaha sama dan para ahli atas sumbangan dan sokongan dalam memartabatkan industri francais di Malaysia.

Akhir kata, saya berharap agar Buku Laporan Tahunan 2023 ini dapat menjadi sumber inspirasi dan panduan yang berguna kepada semua pihak yang terlibat dalam industri francais di Malaysia. Marilah kita bersama-sama terus memperkuuhkan kerjasama dan komitmen kita untuk mencapai kecemerlangan yang lebih tinggi pada masa hadapan.

Sekian, Wassalam.

Datuk Dr. Radzali Bin Hassan

Pengerusi Persatuan Francais Malaysia (MFA)



► SEKILAS MENGENAI MFA

MFA adalah sebuah persatuan yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 dengan matlamat untuk mempromosikan dan memperkasakan perniagaan francais Malaysia.



VISI

Menjadi pendokong dan penggerak utama mewakili masyarakat Francois ke arah merealisasikan hasrat Malaysia untuk menjadi Pusat Serantau Pembangunan Francois.

MISI

Menggembangkan Francois, Francois dan Institusi Sokongan dalam satu semangat kekeluargaan, bagi memupuk imej yang cemerlang untuk perniagaan Francois.

OBJEKTIF

1. Menyatukan tenaga ahli-ahli untuk menjaga kepentingan mereka.
2. Memupuk dan mempertahankan imej perniagaan Francois dengan menggalakkan amalan perniagaan secara beretika.
3. Mendokong usaha kerajaan untuk menggalakkan penyertaan bumiputera secara langsung dan aktif dalam perniagaan Francois.
4. Untuk menyelaras kemudahan dan infrastruktur yang tersedia bagi pembangunan Francois di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

PERANAN

- a. Menetap dan menguatkuasa satu etika amalan perniagaan secara profesional di kalangan ahli-ahli.
- b. Bertindak selaku penyimpan maklumat induk mengenai semua aktiviti Francois yang sedang beroperasi dan juga yang akan beroperasi di Malaysia serta mengumpul dan menyimpan data dan statistik yang berkaitan dengan perniagaan Francois di Malaysia dan juga di peringkat antarabangsa.
- c. Menjalankan kegiatan menggalakkan pertubuhan perniagaan Francois, termasuk kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan ke arah memantapkan lagi perniagaan Francois di Malaysia.
- d. Menyelaras dan melaksanakan program-program latihan dan seminar bertujuan bagi meningkatkan daya kefahaman mengenai sistem Francois, pengukuhan sikap dan amalan perniagaan.
- e. Menjalankan aktiviti-aktiviti promosi bertujuan memperkenalkan sistem Francois sebagai satu bentuk perniagaan yang berdaya maju serta menjamin kepuasan masyarakat pelanggan dengan produk (termasuk perkhidmatan) yang berkualiti.
- f. Memberi cadangan, maklumbalas serta kerjasama dengan pihak-pihak berkuasa mengenai isu-isu berkenaan dengan Francois dan yang berkaitan dengannya.
- g. Bertindak selaku forum untuk bertukar-tukar pengalaman dan kepakaran di antara ahli-ahli Pertubuhan.
- h. Menghubungi dan memelihara hubungan yang erat dengan Persatuan-Persatuan Francois di peringkat antarabangsa.
- i. Menghubungi dan memelihara hubungan yang erat dengan lain-lain pertubuhan perdagangan dalam negeri.
- j. Menganjurkan misi pelaburan mengenai Francois ke luar negara untuk mengetahui perkembangan sistem ini dan juga untuk mengeksport produk-produk Francois tempatan yang telah berdaya maju.
- k. Menjadi tuan rumah bagi misi perniagaan dan pelabuhan dari luar negara dan membantu mereka memahami tentang potensi Industri Francois di Malaysia.
- l. Menjalankan kegiatan-kegiatan lain yang selaras dengan tujuan Pertubuhan.

MAKLUMAT KORPORAT

Ahli Jawatankuasa Utama

Datuk Dr. Radzali Hassan
Pengerusi

Dato' Zahriah Abdul Kadir
Naib Pengerusi

Mohamad Shukri Salleh
Naib Pengerusi

Deric Yeo Chin Lee
Setiausaha Agung

Kairul Azman Mohd Yusoh
Penolong Setiausaha dan Pengerusi
JKI Malam Anugerah Francais

Khalek Awang
Penolong Setiausaha dan Naib
Pengerusi JKK Rundingcara &
Kebajikan

Ramilan Abdul Rahman
Bendahari dan Pengerusi JKK
Kewangan

Paul Ang
Penolong Bendahari dan Naib
Pengerusi JKK Kewangan

Prof. Dr. Azmawani Abd Rahman
Naib Pengarah bersama JKK
Penyelidikan & Pendidikan

**Prof. Madya Dr. Mohd Hizam
Hanafiah**
Pengarah JKK Penyelidikan &
Pendidikan

Amran Abdul Hamid
Pengarah JKK Promosi &
Perhubungan Awam

Daniel Sim
Naib Pengarah JKK Pendaftaran &
Etika

Jacky Lim
Naib Pengarah bersama JKK
Penyelidikan & Pendidikan

Joyce See
Naib Pengarah bersama JKK
Perhubungan Kebangsaan &
Antarabangsa

Mazlan Ibrahim
Naib Pengarah bersama JKI Franchise
International Malaysia

Neoh Eng Kee
Pengarah JKK Pendaftaran & Etika

Terry Lim
Pengarah JKK Perhubungan
Kebangsaan & Antarabangsa

Wong Jin Nee
Pengarah JKK Rundingcara &
Kebajikan

Dato' Rohaizi Bahari
Ahli Jawatankuasa Utama

Ahli Jawatankuasa Eksekutif

Datuk Dr. Radzali Hassan
Pengerusi

Dato' Zahriah Abd Kadir
Naib Pengerusi

Mohamad Shukri Salleh
Naib Pengerusi

Deric Yeo Chin Lee
Setiausaha Agung

Ramilan Abdul Rahman
Bendahari

Prof. Dr. Azmawani Abd Rahman
Naib Pengarah JKK Penyelidikan &
Pendidikan

Kairul Azman Mohd Yusoh
Naib Pengarah JKK Promosi &
Perhubungan Awam

Saluran Media Rasmi

Website: www.mfa.org.my

Facebook: FranchiseMalaysia

Instagram: franchisemalaysia

Twitter: FranchiseMY

Youtube: MY Franchise Hub

Tiktok: Franchise Malaysia

Bahagian Pengurusan

Zuraida Jomri
Ketua Eksekutif

Abdullah Abu
Timbalan Pengurus Besar,
Pembangunan Program dan
Operasi

Norhadi Md Yusof
Timbalan Pengurus Besar, Hal
Ehwal Korporat & Perhubungan
Antarabangsa

Juruaudit Luaran

JAMAL, AMIN & PARTNERS
No. 62-1, 1st Floor, Jalan 2/23A
Off Jalan Genting Klang
Taman Danau Kota Setapak
53300 Kuala Lumpur

Pejabat Berdaftar

Unit 3A-9, Eco Sky, No 972, Batu 6
1/2, Jalan Ipoh, 68100 Kuala Lumpur

No. Tel: 603 - 6241 4141

No. Faks: 603 - 6241 1551

Juruaudit Dalaman

Shahril Yusri Abdul Rahman
Hairulliza Zaiton

Bank Utama

RHB Bank Berhad
Maybank Berhad
Bank Rakyat



KEPIMPINAN PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA



Dari Kiri

- | | | |
|--|--|---|
| 1. Hairulliza Zaiton juruaudit dalaman | 4. Amran Abdul Hamid Ahli Jawatankuasa | 7. Dato' Rohaizi Bahari Ahli Jawatankuasa |
| 2. Joyce See Ahli Jawatankuasa | 5. Jacky Lim Ahli Jawatankuasa | 8. Khalek Awang Penolong Setiausaha Agung |
| 3. Prof. Dr. Azmawani Abd Rahman Ahli Jawatankuasa | 6. Terry Lim Ahli Jawatankuasa | 9. Mohamad Shukri Salleh Naib Pengerusi |



10. Dato' Zahriah Abdul Kadir
Naib Pengerusi

11. Datuk Dr. Radzali Hassan
Pengerusi

12. Deric Yeo Chin Lee
Setiausaha Agung

13. Kairul Azman Mohd Yusoh
Penolong Setiausaha Agung

14. Ramilan Abdul Rahman
Bendahari

15. Paul Ang
Penolong Bendahari

16. Neoh Eng Kee
Ahli Jawatankuasa

17. Prof. Madya Dr. Mohd Hizam Hanafiah
Ahli Jawatankuasa

18. Wong Jin Nee
Ahli Jawatankuasa

19. Daniel Sim
Ahli Jawatankuasa

20. Shahril Yusri Abdul Rahman
juruaudit dalaman

► PROFIL AHLI JAWATANKUASA UTAMA



PENGERUSI

DATUK DR. HJ RADZALI HASSAN

Datuk Dr. Hj Radzali Hassan, dilahirkan pada Februari 1957 di Sungkai, Perak. Beliau merupakan Pengarah Urusan Kumpulan Harta Maintenance Sdn Bhd (Harta) dan berpengalaman luas dalam bidang Korporat, Pengurusan dan Pentadbiran sejak 1980an.

Teras utama perniagaan Harta adalah dalam bidang Pengurusan Fasiliti Bersepadu dan operasi pelbagai kemudahan termasuk perkhidmatan sokongan Komersial, Perindustrian, Hospital, Institusi, Domestik dan Perbandaran.

Datuk Dr Radzali telah dilantik sebagai Pengerusi MFA pada tahun 2017 sehingga kini. Beliau memiliki DBA dalam jurusan Pentadbiran Perniagaan Warsaw Management University pada tahun 2019, sebelum itu beliau di University Gergia. Selain itu, beliau juga merupakan Fellow Malaysian Institute of Management, Ahli Alumni di Harvard Business School Malaysia dan The East West Centre (Hawaii, USA).

Datuk Dr Radzali juga terlibat sama dalam pembangunan francais di peringkat global serta menganggotai Lembaga Penasihat Francais, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), ahli World Franchise Council dan Asia Pacific Franchise Confederation, Pengerusi Bersama Jawatankuasa Eksport Francais, Ahli Retail and F&B Productivity Nexus Governing Committee (MPC).

Selain terlibat dengan Persatuan, Datuk Dr Radzali juga terlibat dalam pelbagai sektor korporat dan telah memegang jawatan sebagai Pengerusi Yayasan Modal Insan Harta (YMIH), Pengarah Urusan Kumpulan Harta Maintenance Sdn Bhd, Pengerusi QDOS Technology Sdn Bhd, Pengerusi QDOS Flexcircuits Sdn Bhd, Pengarah QDOS Holdings Bhd, Pengarah Hozone Sdn Bhd, Pengarah Suiwah Corporation Bhd, Ketua Pegawai Eksekutif Feuilleorganix Sdn Bhd, Pengarah ZOOM Success Sdn Bhd dan Pengarah Halal Development Corporation Berhad, dan Mantan Pengerusi Green & Smart PLC.

Beliau telah dianugerahkan Darjah Kesatria Setia Diraja, Persekutuan pada tahun 1997, Darjah Mulia Seri Melaka pada tahun 2008 dan Darjah Setia Pangkuhan Negeri (D.S.P.N), Pulau Pinang pada 2013. Selain itu, pada tahun 2023, beliau telah menerima anugerah Hall of Fame di Gulf Franchise Awards 2024, Abu Dhabi.



NAIB PENGERUSI

DATO' ZAHRIAH ABD KADIR

Dato' Zahriah Abd Kadir, 63 tahun merupakan Pengarah Urusan Zahriah Affiq Resort Sdn Bhd yang mengendalikan Hotel Seri Malaysia Kangar dan berpengalaman luas dalam bidang Perhotelan dan Pengurusan. Berkelulusan Sarjana Master (MA) didalam bidang Polisi dan Strategi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Beliau telah berkhidmat sebagai pegawai kerajaan selama 19 tahun dipelbagai jabatan dan kementerian serta mempunyai pengalaman lebih 10 tahun sebagai Franchisor di Rangkaian

Hotel terbesar di Malaysia iaitu rangkaian hotel berdasarkan Sistem Francais iaitu Hotel Seri Malaysia. Jawatan terakhir adalah sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan.

Menceburkan diri sebagai Usahawan/Francaisi Hotel Seri Malaysia Kangar sejak tahun 2011. Dato' Zahriah telah dilantik sebagai Bendahari kepada Persatuan Pemilik-Pemilik Hotel (MAHO) pada tahun 2010 sehingga 2012, Bendahari dalam Persatuan Hotel Budget Kedah/Perlis (MYBHA) pada tahun 2019 sehingga kini dan beliau juga merupakan Pengerusi Koperasi FELCRA Gugusan Durian Daun, Rembau, Negeri Sembilan. Beliau telah dilantik sebagai Pengerusi JKI Malam Anugerah Francais (2014,2015,2016,2017 dan 2019), Penolong Setiausaha (2011-2019) dan kini beliau berkhidmat sebagai Naib Pengerusi MFA pada tahun 2019 sehingga kini.

Atas sumbangan dan perkhidmatan yang telah diberikan, beliau telah dianugerahkan Darjah Indera Mahkota Pahang oleh Sultan Pahang pada tahun 2013.

NAIB PENGERUSI**MOHAMAD SHUKRI
SALLEH**

Mohamad Shukri Salleh, 60 tahun merupakan Pengarah Urusan Nautical Bright Enterprise dan berpengalaman luas dalam bidang Perniagaan Francais. Mendapat kelulusan Diploma Elektronik dari Federal Institute Technology (FIT).

Beliau merupakan salah seorang anggota pengasas MFA pada tahun 1994. Sejak itu, beliau aktif dalam industri francais dan dilantik sebagai ahli jawatankuasa utama MFA sehingga kini. Beliau telah memangku jawatan JKI Franchise Media Bowling, JKI Franchise Media Futsal, JKI Franchise Hunt, JKI Franchise International Malaysia, JKK Promosi & Perhubungan, Jawatankuasa Eksekutif, Penolong Setiausaha, Setiausaha Agung dan Naib Pengerusi MFA.

Beliau merupakan penceramah dan moderator yang kerap dijemput ke persidangan, seminar dan bengkel di peringkat antarabangsa dan tempatan, termasuk mengambil bahagian dalam konvensyen WFC dan APFC. Beliau juga telah menerima pengiktirafan Anugerah Penghargaan Khas 2001 – Kategori Individu dari Persatuan Francais Malaysia di atas sumbangan beliau kepada sektor francais di Malaysia.

PENOLONG SETIAUSAHA**KAIRUL AZMAN
MOHD YUSOH**

Kairul Azman Mohd Yusof dilahirkan di Teluk Intan, Perak pada Julai 1973. Beliau merupakan Pengarah Francais Antarabangsa Marrybrown Sdn Bhd. Beliau telah berkhidmat kepada Marrybrown sejak tahun 2003 dan berpengalaman selama 20 tahun dalam bidang F&B. Memulakan kerjaya beliau di dalam bahagian operasi dan meneruskan karier sebagai Ketua Bahagian Latihan dan Ketua Bahagian Francais. Beliau menguruskan kesemua outlet Marrybrown untuk enam (6) buah negara dalam operasi, latihan, pemasaran dan pengembangan perniagaan termasuk Sweden, Afrika, UAE, India, Indonesia, Brunei Darussalam, Singapura dan Australia. Telah dijemput untuk menjadi salah satu penceramah dalam latihan francais sejak 2017. Beliau telah dilantik sebagai Pengerusi JKK Promosi dan Perhubungan Awam pada tahun 2019 seterusnya dilantik sebagai Penolong Setiausaha Agung pada tahun 2022 sehingga kini.

SETIAUSAHA AGUNG**DERIC YEO CHIN LEE**

Deric Yeo Chin Lee, dilahirkan pada 26 April di Batu Pahat, Johor. Beliau merupakan Ketua Pegawai Pembangunan di Kopitiam Asia Pacific Sdn Bhd (Oldtown White Coffee) dan berpengalaman luas dalam bidang Sumber Manusia dan Pemasaran. Beliau berkelulusan dalam Pengajian Bahasa Moden dan Sains Komputer di Universiti Putra Malaysia serta Sarjana Pengurusan Hospitaliti Antarabangsa di Taylors University.

Memulakan kerjaya beliau dalam Pembangunan Manusia untuk industri peruncitan dan F&B, Pakar Strategi Sumber Manusia di syarikat konglomerat dan Pembangunan Perniagaan Francais. Beliau telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Utama di bawah JKK Penyelidikan & Pendidikan, Naib Pengerusi dan seterusnya dilantik sebagai Setiausaha Agung MFA pada 2022 sehingga kini. Deric Yeo sering dijemput ke program latihan francais seperti Persidangan Francais Antarabangsa, Kursus Asas Perniagaan Francais, International Franchise Management Certification Course (IFM) dan Grow Your Franchise Certification Course (GYF).

**PENOLONG
SETIAUSAHA AGUNG****KHALEK AWANG**

Khalek Awang telah dilahirkan pada 1968. Beliau merupakan seorang peguam sejak diterima masuk dan didaftarkan sebagai peguambela peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya pada tahun 1998. Beliau bersama rakan kongsi telah menubuhkan firma Khalek Awang & Associates 25 tahun yang lalu yang memberi perkhidmatan nasihat guaman dalam pelbagai bidang termasuk undang undang francais, sivil, korporat dan perbankan.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang undang dengan kepujian, Ijazah Sarjana Undang Undang Perbandingan, dan Sarjana Undang undang Kewangan dan Perbankan Islam di UIA. Karier awal beliau adalah sebagai seorang pensyarah undang undang di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA) dan juga pensyarah sambilan di Universiti Malaya dan Universiti Industri Selangor, dalam Undang undang Antarabangsa, Jenayah, Sistem Perundangan Malaysia.

Beliau aktif memberikan ceramah undang undang francais dan Latihan sejak Akta Francais diperkenalkan 1999. Pada tahun 2022 beliau telah dipilih sebagai Penolong Setiausaha Agung Persatuan Francais Malaysia.

**BENDAHARI****RAMILAN ABDUL
RAHMAN**

Ramilan Abdul Rahman dilahirkan di Kg Selising, Pasir Puteh Kelantan pada 7hb Februari 1965. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Jawatan beliau sekarang ialah Pengurus Kanan Pelaburan dan Pembangunan Perniagaan di Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). Sebelum ini beliau adalah mantan Pengurus Besar Permodalan Kelantan Berhad.

Memulakan kerjaya di Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (sekarang JCOP) dan meneruskan kariernya di Pusat Perubatan An-Nisa', Hotel Al-Ansar, Kolej Teknologi Darul Naim, Taman Rehlah dan Infra Quest Sdn Bhd. Beliau juga menjadi Pengarah beberapa anak syarikat PKINK seperti Infra Quest Sdn Bhd, HostCare Sdn Bhd dan ASCII Sdn Bhd. Beliau dilantik sebagai Penolong Bendahari dalam Jawatankuasa Utama MFA pada 2019 dan seterusnya berkhidmat sebagai Bendahari bermula tahun 2022 sehingga kini.

AHLI JAWATANKUASA**PROFESSOR DR.
AZMAWANI ABD
RAHMAN**

Prof. Dr. Azmawani Abd Rahman merupakan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Putra Business School, UPM. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda dalam Bidang Kewangan dari University of South Alabama, Amerika dan Ijazah Doktor Falsafah perniagaan dari Aston University, United Kingdom.

Terdahulu, beliau memang jawatan Pengarah Strategi Korporat dan Komunikasi di Universiti Putra Malaysia (UPM). Pejabat beliau memainkan peranan penting dalam fungsi utama universiti termasuk dalam perhubungan awam dan media, komunikasi strategik, perancangan strategik, pemantauan dan penilaian prestasi universiti. Beliau juga merupakan pensyarah Sekolah Perniagaan dan Ekonomi di UPM. Beliau aktif dalam melaksanakan program kerjasama dengan pihak industri sebagai penasihat, penilai dan perunding.

Beliau dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Utama sejak tahun 2015 dan penglibatannya dengan MFA termasuk sebagai panel penilaian, jawatankuasa teknikal, dan pengerusi Anugerah Francais Malaysia dan Persidangan Antarabangsa Francais yang berprestij. Beliau telah membuat lebih dari 80 penampilan di media utama termasuk surat khabar, televisyen dan radio melalui penulisan dan perkongsian kepakaran beliau. Beliau telah menerbitkan lebih dari 100 artikel dalam jurnal dan buku dan mengetuai pelbagai geran penyelidikan di peringkat nasional dan antarabangsa. Professor Dr Azmawani dilantik sebagai penulis rasmi kajian kes oleh pelbagai agensi kerajaan dan syarikat di sektor swasta.

PENOLONG BENDAHARI**PAUL ANG**

Paul Ang merupakan Pengarah Urusan kepada City Coin Laundry Sdn Bhd (LaundryBar). Dilahirkan di Kuala Lumpur pada Oktober 1974. Berkelulusan daripada The Associate of International Accountants pada tahun 1999 dan Diploma dalam Taxation pada tahun 2002. Beliau telah dilantik sebagai Pengurus JKK Perhubungan Kebangsaan & Antarabangsa pada tahun 2018 dan Penolong Bendahari pada tahun 2022 sehingga kini. Beliau telah berkhidmat sebagai perunding di Grant Thornton Malaysia dengan menyediakan perkhidmatan audit, cukai dan khidmat nasihat kepada syarikat. Selain itu, beliau juga turut berkhidmat di Ernst & Young di bawah perkhidmatan profesional global sebelum memperkenalkan jenama LaundryBar yang menawarkan paket perniagaan francais kepada usahawan SME. Beliau bersama rakan kongsi yang lain berjaya membuka lebih 700 outlet di Malaysia, Thailand, Brunei dan Turkey. City Coin Laundry Sdn Bhd telah menerima banyak anugerah termasuk SME 100 Awards 2016, Nan Yang Golden Eagle Award 2017, Sin Chew Award 2017 dan turut dianugerahkan sebagai Francisor Antarabangsa Terbaik (Asia Pasifik) pada 2022. Laundrybar juga turut menerima pengiktirafan 'Malaysia Books of Records' sebagai syarikat dobi layan diri yang mempunyai cawangan terbanyak di Malaysia.

AHLI JAWATANKUASA**DATO' ROHAIZI BAHARI**

Dato' Rohaizi bin Bahari, dilahirkan pada tahun 1974, merupakan seorang Pegawai Tadbir dan Diplomatik dan berkhidmat sebagai Pengarah Kanan di Sektor Perdagangan Pengedaran dan Perniagaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup. Berkelulusan Sarjana Muda Undang-Undang daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 1998 dan seterusnya melanjutkan pelajaran di National University of Singapore dan mendapat kelulusan Sarjana Pengurusan Awam pada tahun 2012.

Dato' Rohaizi berpengalaman luas dalam perkhidmatan awam khususnya dalam bidang pentadbiran dan keselamatan. Beliau pernah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Pengarah di Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri, Pengarah Imigresen Negeri Johor dan Penasihat Kedutaan (Konsular dan Imigresen) di Suruhanjaya Tinggi Malaysia di New Delhi, India. Beliau dianugerahkan Darjah Indera Mahkota Pahang pada tahun 2016 dan Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang pada tahun 2018. Dato' Rohaizi dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Utama Persatuan Francais Malaysia pada 2022.

AHLI JAWATANKUASA

**PROF. MADYA DR.
MOHD HIZAM HANAFIAH**



Prof. Madya Dr. Mohd Hizam Hanafiah merupakan Profesor Madya dalam bidang Keusahawanan Dan Pengurusan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau menerima Ijazah Kedoktoran dalam Keusahawanan dari University of Essex, United Kingdom dengan fokus penyelidikannya dalam perniagaan francais. Bidang penyelidikannya adalah dalam keusahawanan, perniagaan francais, pengurusan strategik, dan pembangunan PKS. Beliau terlibat dalam lebih 45 projek penyelidikan, menghasilkan 26 buah buku, 62 artikel jurnal, 9 bab dalam buku dan 43 kertas prosiding. Dalam perniagaan francais, beliau telah menerima 10 geran penyelidikan, menghasilkan 2 graduan PhD, menulis 18 artikel jurnal, 3 bab dalam buku, 18 kertas prosiding, sebuah buku dan terlibat sebagai 'speaker/trainer' dalam 83 kursus/seminar berkaitan francais.

Beliau adalah ahli Lembaga Penasihat/Penyunting bagi Entrepreneurship and Small Business Review (University of Punjab), Journal of Entrepreneurship and Innovation in Emerging Economies (SAGE), Amity Journal of Entrepreneurship (Universiti Amity), Global Advances in Business Studies (Universitas Negeri Jakarta), dan Journal of Management - Small and Medium Enterprises (UNDANA) selain menjadi penilai makalah untuk 10 jurnal akademik yang diindeks oleh WOS, Scopus, dan MyCite.

Dr. Hizam telah terlibat dalam industri francais sejak tahun 2000 sebagai perunding & penyelidik, Setiausaha (2002-2006; 2010-2011) dan Pengerusi (2012-2015; 2022-2025) JKK Penyelidikan dan Pendidikan MFA , Pengarah Anugerah Francois Malaysia (2011-2015; 2023-2024), Pengarah Persidangan Francois Antarabangsa Malaysia (2012-2015; 2023), Pengasas dan Pengarah Program Francois Siswa (2014 & 2015) dan Ahli Majlis Pembangunan Francois Siswa Universiti (2015-2017).

Selain itu, beliau juga mempunyai pengalaman lebih daripada 20 tahun dalam latihan dan pembangunan dalam bidang francais, keusahawanan, dan pengurusan organisasi. Beliau adalah Penilai Kanan bagi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sejak tahun 2004 dan terlibat dalam projek- projek perundingan dengan syarikat-syarikat swasta, universiti swasta, dan agensi kerajaan.

Seorang yang gemar membaca dan mengembara, beliau telah menerima 30 anugerah sebagai pensyarah. Selain itu, Dr. Hizam merupakan anak Malaysia pertama terpilih sebagai Sarjana Pelawat di The Wharton Business School, University of Pennsylvania, Amerika Syarikat dari Oktober 2015 hingga Oktober 2017. Kini, beliau berkhidmat sebagai Timbalan Dekan (Siswazah) di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

AHLI JAWATANKUASA

AMRAN ABDUL HAMID



Amran Abd Hamid merupakan Ketua Pegawai Eksekutif di Resepi Arena Sdn Bhd (Penyetpenyet.Com) . Berkelulusaan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Korporat UiTM dan juga Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA)dari Putra Business School . Berpengalaman lebih 13 tahun dalam sektor Makanan & Minuman (F&B) dan telah memperkenalkan Resepi Arena Sdn Bhd dengan jenama asalnya Dapur Penyet pada tahun 2010.

Amran juga bergiat aktif dalam aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan seperti Program Dakwah Orang Asli di Royal Belum, Komuniti Rumah orang tua dan anak-anak yatim, Program Transit Gelandangan , Infaq Kasih , Titian Kasih Harian Metro dan banyak lagi program komuniti yang dianjurkan oleh syarikat beliau .

Di bawah kelolaan beliau, Penyetpenyet.com telah menerima Anugerah Francois Terbaik 2014 dan Francois Harapan Terbaik 2015. Beliau juga turut menerima Anugerah Enterprise 50 Awards SME Corps, Anugerah Usahawan Cemerlang Melaka (PUNB) pada tahun 2017 dan Anugerah Personaliti Industri & Usahawan Malaysia (Niaga Times) pada tahun 2019. Amran dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Utama MFA pada tahun 2022 sehingga sekarang dengan menyandang jawatan Pengerusi Ahli Jawatankuasa Kecil Promosi dan Perhubungan Awam.

AHLI JAWATANKUASA

JACKY LIM



Jacky Lim Kheng Aun berasal daripada Pulau Pinang dan dilahirkan pada Jun 1975. Beliau merupakan Pengasas dan pengarah kepada Goldlife Marketing Sdn Bhd (MEIKO). Berpengalaman selama lebih 23 tahun dalam pemasaran, 20 tahun dalam pengurusan sistem francais dan 20 tahun dalam strategi penjenamaan. Beliau juga merupakan pengasas dan pelatih untuk Maction Business Academy yang ditubuhkan pada tahun 2019. Beliau telah berjaya menganjurkan lebih 1,000 sesi latihan francais di seluruh Malaysia. Beliau merupakan seorang pelatih yang telah mendapat sijil HRDF dan diiktiraf oleh Britishpedia.

Beliau telah dilantik sebagai Naib Pengerusi JKK Promosi dan Perhubungan Awam pada tahun 2019 dan seterusnya dilantik sebagai Naib Pengerusi JKK Penyelidikan & Pendidikan pada tahun 2022 sehingga kini. Beliau telah dinobatkan sebagai The 100 Most Influential Young Entrepreneurs pada tahun 2019. Antara anugerah lain yang diterima oleh Meiko dan Maction sepanjang kelolaan beliau adalah International Corporate Awards International Brand 2014, Fast Moving Companies Award dalam SME 100 Awards 2015, Nanyang Siang Pau Golden Awards 2015, Sin Chew Business Excellent Awards 2016 dan Malaysia Health & Wellness Brands Awards 2018.



AHLI JAWATANKUASA

DANIEL SIM

Daniel Sim, dilahirkan pada Oktober 1988 di Subang Jaya. Beliau merupakan graduan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) daripada University Wales Trinity St David, United Kingdom. Memulakan kerjayanya sebagai Jurutera (2012) dan Jurutera Eksekutif (2015) untuk Malaysia Airlines. Pada tahun 2015, Beliau menceburi perniagaan jualan dan latihan jualan secara sambilan. Kemudian beliau meninggalkan Malaysia Airlines untuk menjalankan perniagaannya sepenuh masa.

Pada 2018, beliau menyertai Cambridge English For Life (CEFL) sebagai Pengurus Pembangunan Francais. Sejak menceburi industri francais, beliau telah berjaya menuju hampir 15 pusat CEFL baharu di seluruh Malaysia. Pada tahun 2022, beliau dilantik sebagai Pengarah Eksekutif CEFL.

Sepanjang perkhidmatannya di CEFL, Daniel Sim telah membantu CEFL memenangi beberapa anugerah termasuk Parents's Choice Awards sejak 2019 hingga 2024, Anugerah Francaisi Malaysia Terbaik 2021, 2023 serta Anugerah Francaisor Terbaik (Perak) di dalam Anugerah Francais Malaysia 2022. Daniel turut dicalonkan sebagai finalist di bawah kategori Penulisan Artikel Industri Francais Terbaik. Turut aktif dalam penglibatan aktiviti anjuran MFA, beliau telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Utama MFA pada tahun 2022 sehingga kini.

Pada awal tahun 2024, pihak CEFL berjaya memenangi anugerah jenama terbaik (perak) di dalam Anugerah The Star Outstanding Business Awards.



Manjit Singh Sachdev,
Mohammad Radzi
& Partners

AHLI JAWATANKUASA

NEOH ENG KEE

Neoh Eng Kee dilahirkan di Taiping, Perak. Beliau merupakan seorang Peguambela dan Peguamcara di firma Tetuan Manjit Singh Sachdev, Mohammad Radzi & Partners. Beliau yang berkelulusan Undang-Undang daipada University of London dan mempunyai pengalaman lebih 30 tahun dalam bidang Perundangan.

Beliau dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Utama MFA sejak tahun 2017 sehingga kini. Beliau turut aktif dan berkecimpung dalam persatuan-persatuan lain antaranya adalah Penasihat Undang-Undang dalam Persatuan Taman Tema dan Pusat Hiburan Keluarga Malaysia (MATFA), penasihat kepada Persatuan Rantaian Peruncit Malaysia (MRCA) dan Penasihat kepada Persatuan Farmasi Malaysia (MPS).



AHLI JAWATANKUASA

JOYCE SEE

Joyce See Siok Mee dilahirkan di Ipoh, Perak pada tahun 1985. Beliau kini berkhidmat sebagai Pengurus Besar Francais di 7-Eleven Malaysia Holdings Bhd (7-Eleven), sebuah syarikat serbaneka di Malaysia sejak 1986. Beliau merupakan graduan dalam bidang Pengurusan Hospitaliti dari Melbourne, Australia pada tahun 2007.

Dengan pengalaman lebih 15 tahun dalam industri Francais dan Pengurusan Makanan & Minuman, beliau telah mengumpulkan kepakaran yang meluas dalam pelbagai industri, termasuk Pendidikan, F&B, pengurusan jenama, lesen produk pengguna, dan peruncitan. Tanggungjawab beliau termasuk mengawasi francais dan pengurusan perniagaan, pembangunan dan perluasan pasaran baru, serta operasi kunci. Beliau juga berpengalaman dalam membina sistem francais baru, perancangan strategik perniagaan, dan pembangunan pemasaran.

Selain pencapaian profesionalnya, Joyce kini berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Utama Persatuan Francais Malaysia, Jawatankuasa Latihan Sektor HRDCorp dan Nexus Productivity F&B dan Retail (MPC). Beliau juga memegang beberapa jawatan pengarah dalam beberapa syarikat swasta dan merupakan ahli aktif di Hospital Tung Shin, sebuah hospital tanpa untung terkemuka di Malaysia.



AHLI JAWATANKUASA

MAZLAN BIN IBRAHIM

Mazlan bin Ibrahim merupakan lulusan Chartered Institute of Management Accountants (CIMA) pada tahun 1993. Memulakan karier beliau dengan Ban Hin Lee Bank pada tahun 1994 sebelum menyertai Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) pada tahun 1995 dan seterusnya bersama Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) pada tahun 1998. Lebih 30 tahun, terlibat dalam pembangunan keusahawanan dan perniagaan, pembiayaan dan pelaburan. Pada tahun 2004, beliau telah mengetuai Jabatan Pembangunan Francais yang diamanatkan untuk menjayakan Program Pembangunan Francais (PPF) di bawah Kemeterian Pembangunan Usahawan (KPUN). Kini, beliau merupakan Pengurus Besar, Bahagian Pembangunan Francais PERNAS yang merangkumi latihan, pembangunan dan pembiayaan francais.

AHLI JAWATANKUASA**TERRY LIM**

Terry Lim merupakan Ketua Pegawai Pemasaran Global Art & Creative Sdn Bhd. Global Art telah berkembang ke 23 negara dengan 600 cawangan dan pendaftaran lebih 1,000,000 pelajar di seluruh dunia. Sejak 2004, Terry Lim telah merekrut lebih daripada 90 francais untuk Global Art. Kepakarannya adalah dalam pembangunan perniagaan, pembinaan

**AHLI JAWATANKUASA****WONG JIN NEE**

Wong Jin Nee dilahirkan di Alor Setar, Kedah pada tahun 1966. Beliau memperoleh ijazah undang-undang dari Universiti Sydney, Australia dan diterima sebagai Peguambela dan Peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaysia pada 1991. Wong Jin Nee ialah salah seorang rakan pengasas Wong Jin Nee & Teo (Firma). Dengan lebih daripada 30 tahun pengalaman berlatih secara eksklusif dalam bidang harta intelek. Beliau juga berkhidmat sebagai Ejen Cap Dagangan, Paten, Petunjuk Geografi dan Ejen Reka Bentuk Perindustrian berdaftar di Malaysia. Selain itu, beliau turut terlibat dalam beberapa badan berkepentingan lain seperti menjadi ahli Tribunal Hak Cipta (2020 – 2023; 2024 -2027), ahli Lembaga Pemeriksa Ejen Paten (2020-2023; 2023-2024), ahli Jawatankuasa IP Majlis Peguam, ahli panel pertikaian nama domain yang

pasukan, media dalam talian & sosial, penjualan & pemasaran dan pembinaan rangkaian. Beliau telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa MFA sejak tahun 2018 dan berkhidmat sebagai Pengurus JKK Pengurusan Kebangsaan & Antarabangsa. Selain itu, beliau turut terlibat dalam aktiviti perkongsian pengetahuan dan pengalamannya dalam industri francais dan perniagaan di Malaysia juga antarabangsa. Dia telah dijemput untuk menjadi salah satu penceramah dalam latihan francais sejak 2016.

dilantik oleh Asia Pusat Timbang Tara Antarabangsa (AIAC), ahli Jawatankuasa Pengurusan INTA (2020-2021), ahli Jawatankuasa Pengkomersialan Jenama INTA (2022-2023), pengurus bersama Jawatankuasa Kecil Pengiklanan dan ahli GAC INTA, Asia (2022-2023), ahli TOPC INTA (2024-2025) dan pengantara bertauliah pada panel Pusat Pengantaraan Malaysia (MMC).

Jin Nee juga pernah menyandang jawatan Presiden bagi Persatuan Eksekutif Pelesenan Malaysia (2000), Pengurus Jawatankuasa IP Majlis Peguam yang lalu, dan bekas Ketua Jawatankuasa IPR Dewan Perniagaan EU-Malaysia (kini dikenali sebagai EUROCHAM). Beliau juga merupakan juga merupakan salah satu kumpulan pertama Penilai IP yang dilatih oleh MyIPO dan diperakui oleh World Trade Institute, Switzerland. Beliau telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Utama MFA pada tahun 2022 dengan memegang jawatan sebagai Pengurus, Rundingcara & Kebajikan MFA.



► PROFIL JURUAUDIT DALAMAN

JURUAUDIT DALAMAN

SHahril Yusri Abdul Rahman



Shahril Yusri bin Abdul Rahman, 50 tahun merupakan Pengurus Kanan Pembangunan Perniagaan di Genius Aulad dan mempunyai pengalaman lebih 9 tahun di dalam industri francais. Mempunyai kelulusan Sarjana Muda Perakaunan dan Diploma Perakaunan dari UiTM.

Berpengalaman luas didalam pelbagai industri termasuk pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan selama lebih 20 tahun. Mempunyai pengalaman kerja di pelbagai jabatan antaranya akaun, operasi, francais, pembangunan

perniagaan dan pengurusan.

Beliau sering terlibat didalam misi perdagangan, pemasaran dan perkembangan perniagaan di Singapura, Indonesia, Saudi Arabia, Bosnia Herzegovina dan negara ASEAN.

Telah dilantik sebagai Juruaudit dalaman bagi MFA sejak tahun 2022 sehingga kini.

JURUAUDIT DALAMAN

HAIRULLIZA ZAITON



Hairulliza Binti Zaiton merupakan anak jati Kuala Lumpur yang dilahirkan pada 1 June 1974. Beliau telah mendapat kelulusan Ijazah Sarjana Muda daripada Universiti Teknologi Mara (UITM). Beliau merupakan Pengasas firma perakaunan HZ&CO atau lebih dikenali sebagai Wekeyra dan mempunyai pengalaman lebih 25 tahun dalam bidang perakaunan terutamanya dalam sektor pembinaan. Beliau merupakan Ahli Malaysian Institute of Accountants (MIA), Ahli Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (M.A.T.A), Ahli The Institute of Cooperative & Management Auditors (ICMA), Ahli Persatuan Firma-Firma Akauntan Bertauliah Melayu Malaysia (AMCAF). Beliau juga mempunyai lesen cukai (tax agent) dan juga lesen setiausaha syarikat yang sah.

Sepanjang penubuhan Wekeyra, beliau telah membantu lebih 500 orang usahawan bumiputera bagi memastikan segala pengurusan perakaunan, percukaian & undang-undang syarikat berjalan dengan lancar mengikut standard yang komprehensif.

Beliau juga merupakan speaker Wekeyra yang sering menekankan kepentingan pengurusan kewangan kepada para usahawan. Selain itu, Beliau juga pernah dilantik sebagai speaker MFA bagi program Be Your Own Boss. Beliau memegang jawatan juruaudit dalam MFA sejak 2022 sehingga kini.

TADBIR URUS KORPORAT

MFA ditadbir berdasarkan kepada Prinsip Tadbir Korporat selaras dengan Akta Pertubuhan 1966 dan Undang-Undang Tubuh MFA sejajar dengan fungsi dan tanggungjawabnya untuk mempromosikan imej cemerlang perniagaan français dan industri français negara.

JAWATANKUASA UTAMA

Anggota Jawatankuasa Utama telah diamanahkan dengan tugas dan tanggungjawab untuk membimbing dan memberi panduan kepada pengurusan dalam menjaga kepentingan ahli, pemain industri dan pihak-pihak lain yang berkepentingan.

KOMPOSISI JAWATANKUASA UTAMA

Terdiri daripada anggota-anggota dikalangan Ahli Biasa dan butirannya adalah seperti berikut:

- 1. Pengerusi**
- 2. Dua Naib Pengerusi**
- 3. Setiausaha Agung**
- 4. Dua Penolong Setiausaha**
- 5. Bendahari**
- 6. Penolong Bendahari**
- 7. Sebelas orang Ahli Jawatankuasa**
- 8. Dua Juruaudit Dalaman**

Setiap Jawatankuasa Kecil akan dipengerusikan oleh seorang Ahli Jawatankuasa Utama. Ahli-Ahli Jawatankuasa Kecil terdiri daripada beberapa orang Ahli Jawatankuasa Utama di samping beberapa wakil daripada kerajaan, industri atau pun ahli akademik yang mempunyai kepakaran yang diperlukan secara khusus oleh Jawatankuasa Kecil.

Bagi sesi 2022/2024, keanggotaan Ahli Jawatankuasa Utama terdiri daripada pelbagai kategori keahlian dan sektor perniagaan. Kepelbagaian ini adalah untuk memastikan

manfaat keahlian dan perkhidmatan terbaik dapat diberikan kepada para ahli, pihak berkepentingan dalam industri dan masyarakat agar MFA terus mampan dalam membangunkan industri français Malaysia. Kepelbagaian latar belakang Ahli JKU dari sudut kemahiran serta pengalaman perniagaan dan pengurusan organisasi penting untuk memastikan MFA sentiasa cakna dan memahami cabaran dalam perniagaan français dan seterusnya dapat menjadi suara kepada ahli untuk menyampaikan hasrat industri kepada pihak yang berkepentingan terutamanya pihak kementerian.

JAWATANKUASA KECIL


Beberapa Jawatankuasa Kecil ditubuhkan bagi memantau dan mengukuhkan perlaksanaan program-program industri serta proses dalaman MFA dan butiran lanjut seperti berikut:

- 1. Jawatankuasa Pentadbiran & Kewangan**
- 2. Jawatankuasa Audit dan Pematuhan**
- 3. Jawatankuasa Kecil Pendaftaran & Etika**
- 4. Jawatankuasa Kecil Perhubungan Kebangsaan & Antarabangsa**
- 5. Jawatankuasa Kecil Promosi dan Perhubungan Awam**
- 6. Jawatankuasa Kecil Penyelidikan & Pendidikan**
- 7. Jawatankuasa Kecil Pembangunan Perniagaan**
- 8. Jawatankuasa Kecil Rundingcara & Kebajikan**
- 9. Jawatankuasa Induk Program Pameran dan Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia (FIM)**
- 10. Jawatankuasa Induk Program Malam Anugerah Francais (MAF)**



SUMBER MANUSIA

Jumlah kakitangan:



SEKRETARIAT

Sekretariat MFA terdiri daripada 16 orang kakitangan. Daripada itu, seramai 12 orang terdiri daripada lantikan tetap manakala bakinya seramai 4 orang kakitangan adalah berstatus kontrak. Sekretariat berfungsi untuk merancang dan melaksanakan program dan aktiviti yang bermanfaat kepada ahli-ahli, pemain industri dan masyarakat.

| BIL | NAMA | JAWATAN |
|-----|--------------------------------|--|
| 1. | Zuraida Jomri | Ketua Pegawai Eksekutif |
| 2. | Abdullah Abu | Timbalan Pengurus Besar, Pembangunan Program dan Operasi |
| 3. | Norhadi Md Yusof | Timbalan Pengurus Besar, Hal Ehwal Korporat & Perhubungan Antarabangsa |
| 4. | Siti Khadijah Mohd | Pengurus Kanan, Kewangan |
| 5. | Siti Ohara Hamdan | Pengurus, Pengurusan Kualiti dan Pentadbiran Korporat & Sumber Manusia |
| 6. | Nurul Ain Mohamad | Pengurus, Komunikasi & Perhubungan Awam |
| 7. | Nabila Syafifi Rosslan | Pengurus, Hal Ehwal Keahlian |
| 8. | Muhammad Najib Ramli | Penolong Pengurus, Promosi Kreatif |
| 9. | Bayani Salihah Ibrahim | Penolong Pengurus, Pentadbiran Korporat & Sumber Manusia |
| 10. | Nurizzatul Faiqah Rahaizat | Penolong Pengurus, Jaringan Industri dan Perhubungan Antarabangsa |
| 11. | Sheilla Afiqah Ab. Rahim | Penolong Pengurus, Perakaunan |
| 12. | Muhammad Adam Abdul Jaffar | Penolong Pengurus, Pembangunan Program & Projek Nasional |
| 13. | Logarasan A/L Anbaran | Penolong Pengurus, Penyelidikan dan Pendidikan |
| 14. | Muhammad Fakhri Muhammad Azmil | Penolong Pengurus, Teknologi Maklumat |
| 15. | Muhammad Arif Bidin | Penolong Pengurus, Pengurusan Acara |
| 16. | Fabian Sulau Anak Jamu | Penolong Pengurus |

PASUKAN SEKRETARIAT



DARI KIRI ATAS

Fabian Sulau Anak Jamu
Pelatih Pengurusan

Muhammad Arif Bidin
Penolong Pengurus, Pengurusan Acara

Muhammad Adam Abdul Jaffar
Penolong Pengurus, Pembangunan Program & Projek Nasional

Abdullah Abu
Timbalan Pengurus Besar, Pembangunan Program dan Operasi

Norhadi Md Yusof
Pengurus Kanan, Hal Ehwal Korporat & Perhubungan Antarabangsa

Muhammad Najib Ramli
Penolong Pengurus, Promosi Kreatif

Muhammad Fakhri Muhammad Azmil
Penolong Pengurus, Teknologi Maklumat

Logarasan A/L Anbarasan
Penolong Pengurus, Penyelidikan dan Pendidikan

DARI KIRI BAWAH

Nurul Ain Mohamad
Pengurus, Komunikasi & Perhubungan Awam

Nurizzatul Faiqah Rohaizat
Penolong Pengurus, Jaringan Industri dan Perhubungan Antarabangsa

Bayani Salihah Ibrahim
Penolong Pengurus, Pentadbiran Korporat & Sumber Manusia

Siti Ohara Hamdan
Pengurus, Pengurusan Kualiti dan Pentadbiran Korporat & Sumber Manusia

Zuraida Jomri
Ketua Pegawai Eksekutif


Siti Khadijah Mohd
Pengurus Kanan, Kewangan

Sheilla Afiqah Ab. Rahim
Penolong Pengurus, Perakaunan

Nabila Syafifi Rosslan
Pengurus, Hal Ehwal Keahlian



► STATISTIK KEAHLIAN



BILANGAN AHLI MENGIKUT JENIS

| KATEGORI | JENIS KEAHLIAN | BILANGAN |
|----------------|-----------------------|----------|
| Ahli Biasa | Francaisor | 220 |
| | Francaisi Induk | 13 |
| | Francaisi | 61 |
| | Institusi Sokongan | 29 |
| Ahli Bersekutu | Bakal Francaisor | 108 |
| | Bakal Francaisi Induk | 21 |
| | Bakal Francaisi | 32 |
| | Institusi Sokongan | 39 |
| | Ahli Bergabung | 1 |
| | Ahli Pelajar | 15 |
| | Ahli Antarabangsa | 5 |
| | Ahli Kehormat | 8 |
| | JUMLAH | 552 |

* Maklumat sehingga Jun 2024

CARTA ORGANISASI





RINGKASAN KEWANGAN

Prestasi kewangan Persatuan Francais Malaysia (MFA) secara keseluruhannya mencatatkan keuntungan sebanyak RM38 ribu pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023. Berbanding tahun 2022, prestasi kewangan ini menunjukkan sedikit penurunan, yang dipengaruhi oleh penurunan pendapatan dan peningkatan perbelanjaan.

Secara keseluruhan, pendapatan dan perbelanjaan MFA melibatkan pelaksanaan aktiviti yang dibiayai sepenuhnya oleh MFA atau program-program yang dianjurkan secara kerjasama, di mana perolehan diterima daripada pihak kementerian atau agensi yang terlibat.

Dana Terkumpul

Dana terkumpul MFA meningkat kepada RM1.43 juta berbanding RM1.39 juta pada tahun sebelumnya dan ini menunjukkan kewangan MFA berada pada tahap yang lebih baik berbanding tahun 2022.

| PENDAPATAN | LEBIHAN PENDAPATAN | DANA TERKUMPUL |
|-----------------------------------|-----------------------------------|-----------------------------------|
| RM5.11 JUTA 2022 RM5.18 JUTA | RM0.04 JUTA 2022 RM0.11 JUTA | RM1.43 JUTA 2022 RM1.39 JUTA |

RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN 5 TAHUN

(Dalam RM' Juta)

| | 2023 | 2022 | 2021 | 2020 | 2019 |
|----------------------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|
| Pendapatan | 5.15 | 5.18 | 3.68 | 2.15 | 5.75 |
| Perbelanjaan | 5.11 | 5.07 | 3.62 | 2.50 | 5.59 |
| Lebihan/Kurangan | 0.04 | 0.11 | 0.06 | -0.35 | 0.16 |
| Dana Terkumpul | 1.43 | 1.39 | 1.27 | 1.21 | 1.57 |
| Hartanah, Loji & Peralatan | 0.26 | 0.35 | 0.40 | 0.50 | 0.40 |
| Aset Semasa | 4.64 | 4.22 | 8.93 | 3.30 | 4.20 |
| Liabiliti Semasa | 3.48 | 3.18 | 8.08 | 2.59 | 2.99 |
| Aset Semasa Bersih | 1.16 | 1.04 | 0.85 | 0.71 | 1.21 |
| Aset Bersih | 1.42 | 1.39 | 1.25 | 1.21 | 1.61 |
| Nisbah Semasa | 1.33 | 1.33 | 1.11 | 1.27 | 1.40 |



MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-28



► MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

KALI KE-28

| | | | |
|------------------|---|---|--|
| Tarikh | : | 27 Jun 2023 (Selasa) | |
| Masa | : | 11.00 pagi – 12.30 tengah hari | |
| Tempat | : | Royale Chulan Hotel, Kuala Lumpur | |
| Kehadiran | : | YBhg. Datuk Dr. Radzali Hassan YBhg. Dato' Zahriah Abd Kadir En. Mohamad Shukri Salleh En. Deric Yeo Chin Lee En. Ramilan Abdul Rahman YBhg. Dato' Rohaizi Bahari En Kairul Azman Mohd Yusoh En. Khalek Awang En. Neoh Eng Kee YBrs. Prof. Madya. Dr. Mohamad Hizam Hanafiah En. Terry Lim En. Paul Ang Beng Teck Cik Joyce See En. Shahril Yusri Abdul Rahman | Pengerusi Naib Pengerusi Naib Pengerusi Setiausaha Agung Penolong Bendahari Ahli Jawatankuasa Ahli Jawatankuasa Ahli Jawatankuasa Ahli Jawatankuasa Ahli Jawatankuasa Ahli Jawatankuasa Ahli Jawatankuasa Ahli Jawatankuasa Ahli Jawatankuasa Ahli Jawatankuasa Juruaudit Dalaman |

45 perwakilan Ahli Biasa, 13 perwakilan Ahli Bersekutu, 1 Ahli Bergabung, 1 Ahli JKU yang dilantik dan 20 pemerhati. (Sila rujuk lampiran)

| | | | |
|---------------------------------|---|---|--|
| Tidak Hadir dengan notis | : | En. Amran Abd Hamid En. Daniel Lim Sim En. Jacky Lim Kheng Aun YBrs. Prof Dr Azmawani Abd Rahman Pn. Wong Jin Nee En. Mazlan Ibrahim | Ahli Jawatankuasa Ahli Jawatankuasa Ahli Jawatankuasa Ahli Jawatankuasa Ahli Jawatankuasa Ahli Jawatankuasa |
| Pengerusi | : | YBhg. Datuk Dr Radzali Hassan | |

1.0 UCAPAN ALU-ALUAN PENGERUSI

- 1.1. YBhg Datuk Pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua ahli ke Mesyuarat Agung Tahunan MFA kali ke – 28.
- 1.2. En. Deric Yeo selaku Setiausaha Agung telah menzahirkan penghargaan kepada semua hadirin yang telah hadir dan memaklumkan korum mesyuarat adalah mencukupi berdasarkan Fasal 8 (l) Undang-undang Tubuh Persatuan bagi melaksanakan Mesyuarat Agung.

2.0 MENGESAHKAN MINIT MESUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE – 27

- 2.1. En. Deric Yeo selaku Setiausaha Agung mesyuarat telah meminta Ahli yang hadir untuk mencadang dan mengesahkan minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-27.

- 2.2. En Neoh Eng Kee dari Tetuan Manjit Singh Sachdev, Mohammad Radzi and Partners mencadangkan agar Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-27 diterima dan disokong oleh En Suraindran Kandasamy dari Pertubuhan Kemajuan Sosial Malaysia.

3.0 MEMBENTANG DAN MENERIMA LAPORAN KEMAJUAN TAHUNAN 2022

- 3.1. En Deric Yeo selaku Setiausaha Agung Persatuan telah membentangkan Laporan Kemajuan MFA bagi tahun 2022 dan antara perkara yang dinyatakan adalah seperti berikut:
 - 3.1.1. Sepanjang tahun 2022, MFA telah mengadakan sebanyak 32 kunjungan ahli kepada 29 ahli biasa dan 3 ahli bersekutu. Selain itu, MFA juga telah mungunjungi 19 potensi Ahli yang terdiri daripada francaisor, bakal francaisor, konsultan dan firma guaman.
 - 3.1.2. 2 kunjungan hormat kepada Timbalan Ketua Strategik, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (BDS), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah diadakan bagi menjalankan hubungan erat serta bertukar pandangan mengenai perkembangan francaisor dan membincangkan cadangan kerjasama.
 - 3.1.3. Pada tahun 2022, Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-27 telah diadakan pada 28 Jun 2022 bertempat di World Trade Centre (WTC) Kuala Lumpur dengan dihadiri oleh 78 wakil ahli. Antara agenda yang telah dibincangkan ialah perlantikan (15) lima belas orang Ahli Jawatankuasa Utama dan (1) seorang Juruaudit Dalaman MFA bagi sesi 2022/2024, pembentangan aktiviti bagi tahun 2021, meluluskan laporan kewangan teraudit bagi tahun 2021 dan membincangkan dan meluluskan beberapa usul.
 - 3.1.4. Di peringkat antarabangsa, MFA telah menyertai mesyuarat World Franchise Council (WFC) dan Asia Pacific Franchise Confederation (APFC) yang telah diadakan pada 18 - 23 Oktober 2022 di Seoul, Korea Selatan. Keputusan mesyuarat telah dipersetujui dengan lantikan Filipina sebagai Sekretariat APFC dan Malaysia sebagai Bendahari APFC. Malaysia juga bakal menjadi Negara Hos bagi Mesyuarat WFC & APFC bagi tahun 2024. Mesyuarat ini akan berlangsung pada Mei 2024 bersempena dengan Franchise International Malaysia 2024 (FIM2024) dengan anggaran penyertaan dari 40 buah negara.
 - 3.1.5. Liputan media bertujuan untuk mempromosikan aktiviti ahli, maklumat francaisor dan program anjuran MFA melalui 199 liputan berita daripada 85 saluran media telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022. Hasil daripada aktiviti ini, MFA dapat menjalankan dan mengekalkan hubungan yang baik dengan pihak media dan mendapatkan pakej harga terbaik untuk tujuan promosi aktiviti bagi semua ahli.
 - 3.1.6. Libat Urus dengan Industri telah diadakan bersama beberapa kementerian dan agensi, antaranya ialah Lembaga Penasihat Francais (LPF) dibawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Bahagian Pembangunan Francais dan Jualan Langsung (BPFJL), KPDN dan Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS).
 - 3.1.7. MFA telah berkerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dengan melaksanakan Program Pengukuhan Pembangunan Francais untuk meningkatkan eksport (EFDP). MFA telah menyertai Pameran Antarabangsa ke Johannesburg dan telah menandatangani MOU bersama FASA yang melibatkan latihan dan kerjasama pengantarabangsaan bagi kedua-dua organisasi. Selain itu, MFA juga turut mengadakan lawatan ke Nando's HQ dan Franchise Association South Africa. Program MyDigiFex juga tetap diteruskan dengan penyertaan 13 buah syarikat francaisor tempatan dengan meraih seramai 2796 bilangan leads. Manakala Program Misi Perdagangan telah diadakan di Jakarta pada 5 – 7 Ogos 2022 dengan kutipan nilai potensi pelaburan sebanyak RM64.4 juta dengan penyertaan dari 14 buah syarikat francaisor tempatan. Pada 14 – 16 Oktober 2022 di Manila, Filipina telah disertai oleh 8 syarikat francaisor dengan nilai potensi pelaburan bernilai RM43.9 juta. Sebanyak 18 jenama telah menyertai pameran antarabangsa sepanjang tahun 2022 yang terdiri daripada sektor pendidikan, makanan dan minuman, perkhidmatan dan penyelenggaraan dan gaya hidup.
 - 3.1.8. MFA telah melaksanakan Misi Padanan Perniagaan (Specialised Business Mission) di 2 buah negara iaitu Jeddah, Saudi Arabia pada 8 – 9 Mei 2022 dan Sarajevo, Bosnia pada 11 – 12 Mei 2022. Sebanyak 5 syarikat francaisor tempatan iaitu Genius Aulad, CheeseU, US Pizza, CIC dan Siti Khadijah telah mengikuti misi padanan perniagaan ini.



- 3.1.9. MFA dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) telah melaksanakan Program Siri Jelajah Francais Mikro dan Francais Mampu Milik (F3M) di 12 lokasi di seluruh negeri dengan penyertaan lebih dari 1,000 orang peserta. Selain itu, pemberian geran penuh yang bernilai RM1,928,000 telah diberikan kepada 19 syarikat, sebanyak 5 jenama telah mendapat kelulusan dari Pendaftar Francais (ROF).
- 3.1.10. MFA telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Produktiviti Nexus yang disokong oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), dalam menyediakan pakar produktiviti sektor tertentu dan membantu perusahaan untuk mendiagnosis bidang yang perlu ditambah baik dan menyokong pelaksanaan penyelesaian produktiviti. Pihak MFA dan Nexus telah bekerjasama dengan mengadakan 2 Siri Webinar Peruncitan dan Makanan & Minuman secara atas talian. Siri Webinar ini telah dilaksanakan pada 26 Mei 2022 dengan topik "Robotics in Restaurant : When will this technology be affordable to businesses?" dan pada 1 Julai 2022 dengan topik "The new trends in technology to increase the productivity of retail and F&B businesses".
- 3.1.11. MFA telah melaksanakan 2 program tanggungjawab sosial korporat sepanjang 2022 iaitu bantuan sumbangan kepada mangsa banjir di Lembah Klang pada 12 Januari 2022 dan program sumbangan Aidilfitri kepada anak yatim pada 25 April 2022 di Kuala Lumpur.
- 3.1.12. MFA telah menandatangani MOU bersama beberapa pihak berkepentingan iaitu AEON Credit Services, Bosna Bank International, Bank Islam, Egyptian Franchise Development Association (EFDA), The Franchise Association of South Africa (FASA), Maction dan Robopreneur.
- 3.1.13. Program Franchise International Malaysia 2022 (FIM2022) telah dilaksanakan pada 8 hingga 10 September 2022 dengan penyertaan 94 syarikat pempamer, RM554 juta nilai potensi pelaburan dan telah menerima lebih dari 14,000 pengunjung. Antara negara yang telah menyertai FIM2022 ialah Amerika Syarikat, Australia, Singapura, Korea Selatan, Jepun, Itali, Indonesia dan Taiwan.
- 3.1.14. Program Malam Anugerah Francais 2022 (MAF2022) telah dilaksanakan pada 8 Disember 2022 di Hotel Marriot Putrajaya dengan tetamu kehormat iaitu YBhg Datuk Azman Mohd Yusof, Ketua Setiausaha KPDN dan di hadiri oleh 600 orang tetamu. Pemenang Francais Terbaik telah dimenangi oleh Marrybrown Sdn Bhd.
- 3.1.15. Sepanjang tahun 2022, terdapat 13 program latihan telah dijalankan dengan jumlah 404 penyertaan. Antara kursus yang telah dilaksanakan ialah (4) empat Kursus Asas Perniagaan Francais (KAPF), (2) dua Kursus Pembangunan Francais, (1) satu Kursus Pembangunan Perunding Francais dan (6) enam program Latihan Asas Francais F3M. Selain itu, terdapat Program Latihan Persediaan bagi Pengantarabangsaan telah diadakan sepanjang tahun 2022 iaitu International Franchise Management (IFM) sebanyak (2) dua kali, persidangan antarabangsa FIM2022 yang merangkumi (12) dua belas plenari dan (6) enam siri webinar francais.
- 3.1.16. Dari segi sokongan keahlian, MFA turut menyediakan kemudahan perkhidmatan fasiliti kepada ahli-ahli seperti khidmat rundingcara, perkhidmatan sidang video dan aplikasi Zoom, sokongan mempromosikan perniagaan ahli, kajiselidik maklumbalas tahap kepuasan ahli dan edaran penyertaan dan hebahan maklumat terkini kepada ahli.
- 3.1.17. MFA telah melaksanakan sebanyak 199 liputan di media cetak dan digital, 24 liputan berita di media elektronik, 280 promosi di media sosial, 143 logo dan profil ahli di laman sesawang, 107 emel pemasaran dan rekabentuk bahan promosi. Selain itu, 3 kempen program iaitu CNY : Wish and Post pada 11 – 13 Februari 2022, Merdeka Shout Out yang melibatkan perkongsian poster promosi ahli ke media sosial MFA untuk hebahan. Peraduan Jawab dan Menang Emas juga telah dianjurkan bersempena FIM2022 dengan kerjasama bersama Nasional FM dan Traxx FM.
- 3.1.18. Selain itu, MFA turut menerbitkan Franchise Mind sebanyak 2 edisi sepanjang tahun 2022. Edisi 1/2021 telah dikeluarkan pada 11 April 2022 dengan topik Special Edition MAF: Learning From The Best dan Edisi Keluaran Bil.2/2021 telah dikeluarkan pada 8 September 2022 dengan topik Special Edition FIM2022.
- 3.1.19. Antara sorotan aktiviti yang telah dianjurkan pada tahun 2023 ialah Franchise International Malaysia 2023 (FIM2023) telah diadakan pada 18 – 20 Mei 2023 bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dan telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi. Sebanyak 84 syarikat pempamer telah menyertai pameran ini dengan RM540 juta potensi pelaburan dengan seramai lebih 15,000 pengunjung daripada 41 negara. Selain itu, Franchise In-Buying Mission juga telah menerima seramai 15 pelabur dari 8 negara. Program ini telah diadakan pada 17 Mei 2023, program ini merupakan kerjasama dengan pihak MATRADE bagi menarik pelabur dari luar negara untuk melabur atau membeli jenama-jenama francais tempatan.
- 3.1.20. MFA juga telah menyertai misi perdagangan Franchising & Business Opportunities Expo di Melbourne, Australia pada 6 Mei 2023. MFA akan turut menyertai program di beberapa buah negara seperti Thailand, Indonesia, Turkey dan program padanan perniagaan : Specialized Business Mission (SBM) di Bangalore, India.
- 3.1.21. Anugerah Francais Malaysia akan memperkenalkan 6 kategori utama dengan 23 anugerah yang akan dipertandingkan seperti Francais Terbaik (Keseluruhan), Kategori Sistem Francais, Kategori Francais Antarabangsa, Kategori Francais, Kategori ESG, Kategori Media, Kategori Terbuka dan Penghargaan Khas.
- 3.1.22. Selain itu, sebanyak 16 program latihan francais akan diadakan sepanjang tahun 2023.

En. Suraindran Kandasamy daripada Pertubuhan Kemajuan Sosial Malaysia (PKSM) mencadangkan agar Laporan Kemajuan 2022 yang telah dibentangkan diterima dan disokong oleh En. Neoh Eng Kee daripada Tetuan Manjit Singh Sachdev, Mohammad Radzi & Partners.

4.0 MEMBENTANG DAN MENERIMA LAPORAN KEWANGAN TERAUDIT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

- 4.1. En Ramilan Abdul Rahman selaku Bendahari Persatuan telah membentangkan Laporan Kewangan Teraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 dan antara perkara yang dinyatakan adalah seperti berikut:
 - 4.1.1. Pada tahun 2022, prestasi kewangan Persatuan Francais Malaysia (MFA) secara keseluruhannya kembali mencatatkan lebihan pendapatan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 dengan peningkatan sebanyak 41% berbanding 2021. Pendapatan adalah sebanyak RM5.18 juta pada tahun 2022 berbanding 2021, RM3.68 juta, manakala perbelanjaan tahun 2022 adalah sebanyak RM5.066 juta, peningkatan sebanyak 40% berbanding 2021 iaitu RM3.62 juta.
 - 4.1.2. Peningkatan pendapatan MFA didorong oleh program keahlian yang mencatatkan kenaikan sebanyak 9%, program acara dengan peningkatan sekali ganda berbanding 2021, pelbagai pendapatan juga turut menyumbang peningkatan sebanyak 92% dan peningkatan program kerjasama sebanyak 26% berbanding 2021.

Sehubungan itu, Mesyuarat sebulat suara bersetuju untuk menerima Laporan Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 tersebut.

5.0 MEMBINCANGKAN DAN MELULUSKAN CADANGAN PINDAAN UNDANG-UNDANG TUBUH PERSATUAN

- 5.1. En. Deric Yeo telah membentangkan dua (2) cadangan pindaan Undang-Undang Tubuh MFA dan butiran lanjut adalah seperti berikut :
 - 5.1.1. Cadangan Pindaan bagi tempoh jawatan yang dipegang oleh Ahli Jawatankuasa Utama bagi satu sesi daripada 2 tahun kepada 3 tahun. Fasal yang terlibat adalah Fasal 8(4).dan Fasal 9(1)

Klausus Asal:

Pindaan Klausus:

8) MESYUARAT AGUNG

(4) Kerja-kerja Mesyuarat Agung Tahunan ialah:

- i. Menetapkan dasar-dasar Pertubuhan
- ii. Mengesahkan minit Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Khas.
- iii. Membentang dan menerima laporan Jawatankuasa Utama berkenaan aktiviti Pertubuhan di tahun yang lalu.
- iv. Membentang dan menerima laporan Bendahari Agung dan Juruaudit Dalaman bagi tahun kewangan yang lalu.
- v. Pindaan Undang-undang Tubuh Pertubuhan (jika ada).
- vi. Memilih ahli-ahli Jawatankuasa Utama (tiap-tiap dua (2) tahun sekali).
- vii. Memilih Juruaudit Dalaman (tiap-tiap dua tahun sekali).
- viii. Membincangkan usul-usul (yang telah dihantar kepada Setiausaha Agung sekurang-kurangnya seminggu sebelum Mesyuarat Agung dijalankan dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Utama).
- ix. Menimbangkan rayuan ahli yang digantung dan dipecat (jika ada).

8) MESYUARAT AGUNG

(4) Kerja-kerja Mesyuarat Agung Tahunan ialah:

- i. Menetapkan dasar-dasar Pertubuhan
- ii. Mengesahkan minit Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Khas.
- iii. Membentang dan menerima laporan Jawatankuasa Utama berkenaan aktiviti Pertubuhan di tahun yang lalu.
- iv. Membentang dan menerima laporan Bendahari Agung dan Juruaudit Dalaman bagi tahun kewangan yang lalu.
- v. Pindaan Undang-undang Tubuh Pertubuhan (jika ada).
- vi. Memilih ahli-ahli Jawatankuasa Utama (tiap-tiap tiga (3) tahun sekali).
- vii. Memilih Juruaudit Dalaman (tiap-tiap dua tahun sekali).
- viii. Membincangkan usul-usul (yang telah dihantar kepada Setiausaha Agung sekurang-kurangnya seminggu sebelum Mesyuarat Agung dijalankan dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Utama). Menimbangkan rayuan ahli yang digantung dan dipecat (jika ada).



Klausa Asal:

9. JAWATANKUASA UTAMA

- (I) Satu Jawatankuasa Utama yang dinamakan Pegawai Pertubuhan hendaklah dipilih di dalam Mesyuarat Agung Tahunan tiap-tiap dua (2) tahun, mengandungi:

- a) Seorang Pengerusi
- b) Dua orang Naib Pengerusi
- c) Seorang Setiausaha Agung
- d) Dua orang Penolong Setiausaha
- e) Seorang Bendahari Agung
- f) Seorang Penolong Bendahari
- g) Tujuh orang Ahli Jawatankuasa biasa

Sesuatu jawatan yang sama bolehlah dipegang tidak melebihi lima (5) penggal berturut-turut.

Pindaan Klausa:

9. JAWATANKUASA UTAMA

- (I) Satu Jawatankuasa Utama yang dinamakan Pegawai Pertubuhan hendaklah dipilih di dalam Mesyuarat Agung Tahunan tiap-tiap tiga (3) tahun, mengandungi:

- a) Seorang Pengerusi
- b) Dua orang Naib Pengerusi
- c) Seorang Setiausaha Agung
- d) Dua orang Penolong Setiausaha
- e) Seorang Bendahari Agung
- f) Seorang Penolong Bendahari
- g) Tujuh orang Ahli Jawatankuasa biasa

Sesuatu jawatan yang sama bolehlah dipegang tidak melebihi lima (5) penggal berturut-turut.

- 5.1.2. Cadangan Pindaan Klausa 18 dibawah tajuk Penaung dan Penasihat iaitu cadangan untuk menetapkan tempoh pegangan jawatan, mendapatkan persetujuan daripada orang yang dicadangkan serta hak Penaung dan Penasihat. Fasal yang terlibat adalah Fasal 18.

Klausa Asal:

18) PENAUNG DAN PENASIHAT

Jawatankuasa Utama boleh, jika difikirkan perlu, melantik Ahli-Ahli Kehormat menjadi Penaung dan Penasihat bagi Pertubuhan ini.

Pindaan Klausa:

18) PENAUNG DAN PENASIHAT

- i. Jawatankuasa Utama boleh, jika difikirkan perlu, melantik Ahli-Ahli Kehormat menjadi Penaung bagi Pertubuhan ini.
- ii. Jawatankuasa Utama boleh, jika difikirkan perlu, melantik Ahli-Ahli Kehormat menjadi Penasihat bagi Pertubuhan ini.
- iii. Tempoh Jawatan Penaung dan Penasihat bolehlah dipegang bagi tempoh yang bersamaan dengan tempoh Jawatankuasa Utama yang melantiknya, dengan syarat orang yang dilantik itu menyatakan persetujuannya secara bertulis terlebih dahulu.
- iv. Penaung atau Penasihat tersebut mempunyai hak sebagaimana ahli kehormat dan tidak mempunyai kuasa membuat keputusan bagi pihak Pertubuhan.

- 5.1.3. En. Muhammad Iqbal bin Abd Ghaffar daripada Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) telah meminta pengesahan mengenai cadangan pindaan klausa 18(i) dan 18(ii) yang difahamkan terdapat ralat pengulangan ayat. Pertanyaan tersebut telah dijelaskan oleh En Deric Yeo dimana terdapat perbezaan bagi kedua-dua klausa tersebut.

- 5.1.4. Mesyuarat telah sebulat suara menerima dan menyokong cadangan pindaan Undang-Undang Tubuh.

6.0 HAL LAIN-LAIN

- 6.1. En. Deric Yeo selaku Setiausaha Agung telah memberi maklumbalas kepada cadangan yang telah diterima di kalangan ahli dan butirannya adalah seperti berikut:
- 6.1.1. Satu cadangan usul telah dikemukakan oleh En. Muhammad Zulfadzli Bin Alias dari KASS International Sdn Bhd dengan cadangan supaya pihak MFA melakukan dengan lebih kerap perjumpaan antara ahli. Contoh seperti menganjurkan perjumpaan secara tidak formal bersama ahli-ahli dan secara tidak langsung dapat mengeratkan lagi hubungan antara pihak MFA dan juga ahli-ahli yang lain.
 - 6.1.2. En. Deric Yeo menjelaskan MFA telah mengadakan beberapa kunjungan, program libaturus bersama ahli dan hebahan aktiviti MFA melalui medium aplikasi Telegram serta laman sesawang MFA sepanjang tahun 2022. Hal ini dilaksanakan bertujuan untuk mempergiatkan lagi aktiviti dan mengeratkan hubungan diantara ahli. Kita menyeru agar semua ahli dapat mengikuti atau merujuk semua aktiviti MFA melalui platform media sosial rasmi dan laman sesawang MFA.

7.0 UCAPAN PENANGGUHAN

- 7.1. Naib Pengerusi, YBhg. Dato' Zahriah Abdul Kadir mengucapkan terima kasih di atas sokongan yang diberikan oleh ahli MFA. Barisan Ahli Jawatankuasa Utama akan memberikan komitmen yang tinggi kepada MFA dan menganjurkan aktiviti yang mampu menjana sumber kewangan kepada MFA. Aktiviti terkini yang bakal berlangsung ialah Malam Anugerah Francais 2023 (MAF2023). Program akan diadakan pada minggu pertama bulan Oktober 2023. Kami berharap agar semua ahli memberikan kerjasama dan mengambil bahagian dalam pembelian meja bagi Malam Anugerah tersebut. Sokongan daripada ahli amatlah dihargai bagi meneruskan kelangsungan aktiviti MFA.
- 7.2. En. Mohamad Shukri Salleh, selaku Naib Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli MFA yang telah hadir. Faktor utama yang membuatkan MFA mampu bertahan sehingga kini ialah hasil daripada kerjasama daripada ahli-ahli yang telah membayar yuran keahlian dan pelaksanaan aktiviti. Selain itu, beliau telah menyeru kepada semua ahli untuk mengambil tahu mengenai program dan aktiviti MFA.
- 7.3. Pengerusi, YBhg Datuk Dr Radzali Hassan mengucapkan terima kasih di atas sokongan dan sumbangan daripada semua Ahli Jawatankuasa Utama sesi 2022/2024 serta sekretariat dalam menjayakan aktiviti yang telah dirancang. Datuk Pengerusi juga telah mengucapkan penghargaan kepada KPDN. Selain itu, beliau telah meminta jasa baik daripada semua ahli untuk menyokong dan memberi kerjasama dalam mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti MFA bagi memangkin industri Francais pada masa akan datang.
- 7.4. YBhg Dato' Rohaizi Bahari selaku Ahli Jawatankuasa Utama dan wakil dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menzahirkan penghargaan kepada semua ahli yang sentiasa memberi komitmen kepada setiap aktiviti anjuran MFA. Beliau menjelaskan pihak KPDN akan sentiasa menitikberatkan dari segi tatakelola berkaitan pengurusan Francais. Selain itu, Industri Francais telah mencatatkan nilai jualan RM30 billion dan pertambahan sebanyak 30%. Oleh itu, beliau berharap angka ini dapat ditambahbaik dan menjadi penyumbang utama kepada KDNK negara. Pada masa yang sama, ianya dapat memberi ruang kepada kerajaan untuk mempertimbangkan sebarang bentuk insentif kepada industri francais.
- 7.5. YBhg Datuk Pengerusi telah menangguhkan Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-28 pada jam 12.30 tengah hari dan sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih di atas sokongan yang diberikan oleh semua yang hadir.

Minit disediakan oleh:

(BAYANI SALIHAH IBRAHIM)

Penolong Pengurus

Tarikh: 25 Julai 2023

Disemak oleh:

(ZURAIDA JOMRI)

Ketua Eksekutif

Disahkan benar oleh:

(DATUK DR RADZALI HASSAN)

Pengerusi

Tarikh: 1 Ogos 2023

(DERIC YEO)

Setiausaha Agung



SENARAI KEHADIRAN

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA KE-28

AHLI BIASA – FRANCAISOR

| BIL | NAMA SYARIKAT | WAKIL | NO. AHLI |
|-----|---|-------------------------------------|-------------------|
| 1 | Akademi Sempoa & Mental-Aritmetik UCMAS | Dr. Chris Chew Kan Pang | OFO-0316-02-EDU |
| 2 | Ayam Penyet Bagus Sdn Bhd | Michael Ng | OFO-0317-02-F&B |
| 3 | Big Bath Sdn Bhd | Poon Fong Yee | OFO-0220-07-RET |
| 4 | Boat Noodle Sdn Bhd | Suliza binti Morad | OFO-0123-101-F&B |
| 5 | Bubblebee Sdn Bhd | Muhammad Fazli bin Kamaruddin | OFO-0522-11-F&B |
| 6 | Cheeseu Bistro Sdn Bhd | Kharul Azman bin A.Karim | OFO-0920-30-F&B |
| 7 | CIC International Incorporated | Narges Zeynab Binti Azizi | OFO-0910-08-EDU |
| 8 | City Coin Laundry Sdn Bhd | Paul Ang Beng Teck | OFO-0617-01-SVC |
| 9 | Coolblog Dessert Sdn Bhd | Mariena Binti Mat Nor | OFO-0217-03-F&B |
| 10 | Cravito Group Sdn Bhd | Foo Shyang Sheng | OFO-0120-102-F&B |
| 11 | D' Wangsa Oriental Concepts Sdn Bhd | Beh Peng Tow | OFO-0114-02-F&B |
| 12 | Genius Aulad International Sdn Bhd | Luqman bin Halim | OFO-0911-03-EDU |
| 13 | Global Art & Creative Sdn Bhd | Terry Lim | OFO-1214-01-EDU |
| 14 | Harta Maintenance Sdn Bhd | Datuk Dr. Radzali Hassan | OFO-0313-01-SVC |
| 15 | Kopitiam Asia Pacific Sdn Bhd | Deric Yeo | OFO-0110-01-F&B |
| 16 | Loob Holding Sdn Bhd | Suew Liew | OFO-010-101-F&B |
| 17 | Lovely Lace (M) Sdn Bhd | Fong Yit Meng | OFO-0322-08-OTH |
| 18 | Marrybrown Sdn Bhd | Kairul Azman Mohd Yusoh | OFO-0795-04-F&B |
| 19 | My US Pizza Sdn Bhd | Jeremy Hiew Jian Chang | OFO-0921-14-F&B |
| 20 | Permodalan Kelantan Berhad | Ramilan Abdul Rahman | OFO-1214-02-SVC |
| 21 | PMA Rich (M) Sdn Bhd | Muhammad Rashid Ali bin Abdul Kalam | OFO-0623-104-F&B |
| 22 | QC Group Sdn Bhd | Muhammad Irfan bin Zainal Abidin | OFO-0797-03-EDU |
| 23 | Q-dees Worldwide Edusystems (M) Sdn Bhd | Krishnasamy Naidu a/l Sinnathri | OFO-1007-02-SVC |
| 24 | Rakyat Management Services Sdn Bhd | Mohamad Azwani Asa'D | OFO-0615-02-F&B |
| 25 | Resepi Arena Sdn Bhd | Tony Thompson Goh | OFO-0104-09-F&B |
| 26 | Rotiboy Bakeshoppe Sdn Bhd | Emyrlul Yusoff | OFO-0104-01-F&B |
| 27 | Secret Recipe Cakes & Cafe Sdn. Bhd. | Patrick Sim | OFO-1000-04-EDU |
| 28 | Smart Reader Worldwide Sdn Bhd | Kevan Ong Kin WYE | OFO-1000-04-EDU |
| 29 | Sunrider International (Malaysia) Sdn Bhd | James Yeoh | OFO-0910-02-BH |
| 30 | Tea Garden Management Sdn Bhd | Ngew Khoo Hoe (Dave Ngew) | OFO-0623-108- F&B |
| 31 | Wah Chan Consolidated Sdn Bhd | Ng Boon Soon | OFO-0899-02-CA |
| 32 | YAPEIM Smart Venture Sdn Bhd | YAPEIM Smart Venture Sdn Bhd | OFO-0312-09-SVC |

AHLI BIASA - FRANCAIS INDUK

| BIL | NAMA SYARIKAT | WAKIL | NO AHLI |
|-----|---------------------------|--------------------|-----------------|
| 1 | 7-Eleven Malaysia Sdn Bhd | Joyce See Siok Mee | OMF-0609-07-RET |

AHLI BIASA – FRANCAISI

| BIL | NAMA SYARIKAT | WAKIL | NO AHLI |
|-----|------------------------------|-------------------------------|------------------|
| 1 | Binaraya Sdn Bhd | Vimala A/P Pariamnan@Parianan | OFE-0221-102-F&B |
| 2 | Nautical Bright Enterprise | Mohamad Shukri Salleh | OFE-0620-19-SVC |
| 3 | Zahriah Affiq Resort Sdn Bhd | Dato' Zahriah Abd Kadir | OFE-0512-02-TRV |

AHLI BIASA - INSTITUSI SOKONGAN

| BIL | NAMA SYARIKAT | WAKIL | NO AHLI |
|-----|---|--------------------------------|------------------|
| 1 | Raja, Darryl & Loh | Chew Phye Keat | OSI-1299-02-LEG |
| 2 | Franchise Technology & Methods Sdn Bhd | Sam Siew Pak Kheong | OSI-0795-06-CON |
| 3 | Hsien Consulting Sdn Bhd | Jesintha Kuok Beng Chin | OSI-0323-15-CON |
| 4 | Kass International Sdn Bhd | Muhammad Zulfadzli Alias | OSI-0123-01-CON |
| 5 | Khalek Awang & Associates | Khalek bin Awang | OSI-0622-104-LEG |
| 6 | Manjit Singh Sachdev, Mohammad Radzi & Partners | Neoh Eng Kee | OSI-0498-08-LEG |
| 7 | Wong Jin Nee & Teo | Pua Siau Kee | OSI-0305-05-LEG |
| 8 | KPDN | Dato' Rohaizi Bin Bahari | OSI-0706-01-GOV |
| 9 | Perbadanan Nasional Berhad | Muhammad Iqbal bin Abd Ghaffar | OSI-0798-02-GOV |

AHLI BERSEKUTU - BAKAL FRANCAISOR

| BIL | NAMA SYARIKAT | WAKIL | NO AHLI |
|-----|--|---------------------------------|-----------------|
| 1 | Cahaya Iman Kids Sdn Bhd | Fazilah Rahman | AFO-0522-15-EDU |
| 2 | Clover Homebaker Sdn Bhd | Mohd Rosli Abdul Manaf | AFO-0623-18-F&B |
| 3 | DE Miracle Empire | Sofia Mansur | AFO-0623-16-SVC |
| 4 | Infinex Solutions Asia Consultancy Sdn Bhd | Ch'ng Hui Lin | AFO-0123-05-EDU |
| 5 | Sinar Global Hygiene (M) Sdn Bhd | Mohamed Nizar bin Rahiman Shah | AFO-1219-01-SVC |
| 6 | Uncle Best Mart Sdn Bhd | Muhammad Zikry bin Saiful Nizam | AFO-1116-01-F&B |

AHLI BERSEKUTU - BAKAL FRANCAISI

| BIL | NAMA SYARIKAT | WAKIL | NO AHLI |
|-----|-----------------------|--------------------|-------------|
| 1 | Ingenuous Consultancy | Maslina Mohd Masri | AFE-0820-25 |



AHLI BERSEKUTU – INSTITUSI SOKONGAN

| BIL | NAMA SYARIKAT | WAKIL | NO AHLI |
|-----|------------------------------|-------------------------|-----------------|
| 1 | Enlliance Management Sdn Bhd | Jaymie Lee | ASI-0123-02-CON |
| 2 | Enlliance Management Sdn Bhd | Albert Ling | ASI-0123-02-CON |
| 3 | Niro IMS Sdn Bhd | Marzuki Ahmad | ASI-0323-11-CON |
| 4 | Pos2U Sdn Bhd | Jeft Lee | ASI-0123-06-SVC |
| 5 | Robopreneur Sdn Bhd | Dr. Hanafiah bin Yussof | ASI-0822-29-SVC |
| 6 | Speedoffice Sdn Bhd | Ida Izaty Raboo | ASI-0323-10-CON |

AHLI BERGABUNG

| BIL | NAMA SYARIKAT | WAKIL | NO AHLI |
|-----|-------------------------------------|----------------------|------------------|
| 1 | Pertubuhan Kemajuan Sosial Malaysia | Suraindran Kandasamy | AAM -1021-18-WEL |

AHLI JKU DILANTIK

| BIL | NAMA SYARIKAT | WAKIL | NO AHLI |
|-----|--------------------------------------|--------------------------------------|---------|
| 1 | Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) | Prof Madya Dr Mohamad Hizam Hanafiah | - |

PEMERHATI

| BIL | NAMA SYARIKAT | WAKIL | NO AHLI |
|-----|--|---------------------------------|------------------|
| 1 | Ayam Penyet Bagus Sdn BHD | Ng Beng Huat (Mark) | OFO-0317-02-F&B |
| 2 | Boat Noodle Sdn Bhd | Maslyna Sabry | OFO-0123-101-F&B |
| 3 | Boat Noodle Sdn Bhd | Salwa | OFO-0123-101-F&B |
| 4 | Bubblebee Sdn Bhd | Mohd Izad Faizal bin Hamdan | OFO-0522-11-F&B |
| 5 | Bubblebee Sdn Bhd | Mohd Shafiq Bin Muhammad Sharif | OFO-0522-11-F&B |
| 6 | CIC International Incorporated | Aishah Jamaluddin | OFO-0910-08-EDU |
| 7 | Cravito Group Sdn Bhd | Narayanan JR Prapoo | OFO-0120-102-F&B |
| 8 | Genius Aulad International Sdn Bhd | Aziah Yunan | OFO-0911-03-EDU |
| 9 | Genius Aulad International Sdn Bhd | Shahril Yusri Bin Abdul Rahman | OFO-0911-03-EDU |
| 10 | Kopitiam Asia Pacific Sdn Bhd | Gradys Lee | OFO-0110-01-F&B |
| 11 | Kopitiam Asia Pacific Sdn Bhd | Nurezzati Mohd Zamri | OFO-0110-01-F&B |
| 12 | PMA Rich (M) Sdn Bhd | Mohd Amin Sharifulizam | OFO-0623-104-F&B |
| 13 | YAPEIM Smart Venture Sdn Bhd | Ali Imran bin Ahmad Natsir | OFO-0312-09-SVC |
| 14 | Franchise Technology & Methods Sdn Bhd | Paul Siew Chee Seng | OSI-0795-06-CON |
| 15 | Clover Homebaker Sdn Bhd | Mawar Hariaety Azmi | AFO-0623-18-F&B |
| 16 | Enlliance Management Sdn Bhd | Albert Ling | ASI-0123-02-CON |
| 17 | Uncle Best Mart Sdn Bhd | Mohd Sharif bin Md Arif | AFO-1116-01-F&B |
| 18 | Binaraya Sdn Bhd | Nur Suhaila Bt Ithnin | OFE-0221-102-F&B |
| 19 | Niro IMS Sdn Bhd | Umran bin Ahmad Ropie | ASI-0323-11-CON |
| 20 | Franext Sdn Bhd | Wan Muhammad Zainal Wan Yahya | - |



LAPORAN PROGRAM DAN AKTIVITI

Penglibatan dengan Industri
Program Kerjasama
Pengurusan Acara & Program Latihan
Sokongan Keahlian
Program Promosi & Pengiklanan



PENGLIBATAN DENGAN INDUSTRI

Sesi Penglibatan bersama Ahli

Tarikh dan Nama Syarikat

| | | |
|--------------|---|----------------------|
| 16 Feb 2023 | : | Pak John (AFO) |
| 31 Mei 2023 | : | Suntech (SGA) |
| 6 Julai 2023 | : | Q-Dees (OFO) |
| 9 Ogos 2023 | : | HZ & CO (ASI) |
| 24 Ogos 2023 | : | Members Meet Session |
| 29 Ogos 2023 | : | MACTION (OSI) |
| 18 Okt 2023 | : | The Wet World (OFO) |
| 15 Nov 2023 | : | Members Meet Session |
| 27 Nov 2023 | : | Wah Chan (OFO) |

Lokasi

8 Pejabat/ Outlet Ahli
1 Applikasi Zoom

Objektif

Jawatankuasa Kecil Pendaftaran dan Etika adalah bertanggungjawab menentukan kedudukan sesuatu permohonan untuk menjadi ahli, memperakurkan permohonan tersebut kepada Jawatankuasa Utama, bertanggungjawab ke atas mekanisme pengawasan etika ahli-ahli menggunakan Kaedah-kaedah Pengawasan Etika secara dalaman yang diperuntukkan di dalam Undang-Undang Tubuh ini.

Pelaksana

JKK Pendaftaran & Etika (RET)
JKK Rundingcara & Kebajikan (CW)

Pengarah

Neoh Eng Kee (RET)
Wong Jin Nee (CW)

Naib Pengarah

Daniel Sim (RET)
Khalek Awang (CW)

Ahli-Ahli

Deric Yeo
Zuraida Jomri
Abdullah Abu
Nabila Syafifi Rosslan

Program ini merupakan salah satu program utama keahlian yang bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas daripada ahli berkaitan perkembangan terkini perniagaan ahli, berkongsi aktiviti terkini MFA disamping untuk mencipta perhubungan yang lebih mesra dan erat di antara pasukan MFA dengan pasukan ahli.

Aktiviti ini dilaksanakan sama ada di Pejabat MFA atau Pejabat Ahli pada tahun sebelum ini. Aktiviti ini dilaksanakan secara fizikal dan juga atas talian bagi ahli yang berada di luar Lembah Klang.

Pada tahun 2023, sebanyak 9 program telah diadakan kepada ahli MFA. Antara maklumbalas yang diterima daripada ahli semasa program ini berlangsung adalah perkongsian berkenaan cabaran yang dihadapi dalam situasi ekonomi semasa, sokongan perniagaan dan perkongsian pengalaman daripada ahli dalam mengekalkan perniagaan. Antara sokongan yang telah diberikan oleh MFA ke atas cabaran ini adalah dengan memberi sokongan perniagaan melalui aktiviti yang dianjurkan oleh MFA dan memanjangkan cadangan ini kepada pihak Kementerian yang terlibat.

Pada tahun 2023, sebanyak 37 keahlian baru telah diluluskan yang terdiri daripada 12 Francisor, 2 Institusi Sokongan, 9 Bakal Francisor, 3 Bakal Francaisi Induk, 9 Bakal Institusi Sokongan, 1 Bakal Francaisi dan 1 pelajar . Walau bagaimanapun, pada tahun 2022, MFA telah menerima 39 penyerahan bagi keahlian baharu. Terdapat banyak pertanyaan dari syarikat sama ada francais atau bukan francais telah menghubungi MFA dan berminat untuk mengetahui aktiviti dan sokongan yang ditawarkan oleh MFA.

| BIL | CAT. | SYARIKAT |
|-----|-------------------------------|---|
| 1 | Ahli Biasa Francisor | Glories Gadget (M) Sdn Bhd |
| 2 | Ahli Biasa Francisor | Kuuvancha (M) Sdn Bhd |
| 3 | Ahli Biasa Francisor | Lovejoypeace Kitchen Sdn Bhd |
| 4 | Ahli Biasa Francisor | Uncle Don's Restaurants Sdn Bhd |
| 5 | Ahli Biasa Francisor | Harolds Bread (M) Sdn Bhd |
| 6 | Ahli Biasa Francisor | Shong Heng Home Center Sdn. Bhd. |
| 7 | Ahli Biasa Francisor | Kow Hock Building Materials (M) Sdn Bhd |
| 8 | Ahli Biasa Francisor | Seng Li Marketing Sdn Bhd |
| 9 | Ahli Biasa Francisor | MBFE Sdn Bhd |
| 10 | Ahli Biasa Francisor | Bright Hill Islamic Montessori Sdn Bhd |
| 11 | Ahli Biasa Francisor | Bonda Learning Centre Sdn Bhd |
| 12 | Ahli Biasa Francisor | Yumi Food Sdn. Bhd. |
| 13 | Ahli Biasa Institusi Sokongan | KASS International Sdn BHD |
| 14 | Ahli Biasa Institusi Sokongan | Hsein Consulting Sdn Bhd |

| | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
|---|------------|-----------------------------------|--|--------------|---|----------------|-------------|---|--------------------|-------------|---|-----------------|------------|---|-------------|------------|---|----------|-------------|---|--------------|--|
| <p>Objektif Jawatankuasa Kecil Pendaftaran dan Etika adalah bertanggungjawab menentukan kedudukan sesuatu permohonan untuk menjadi ahli, memperakarkan permohonan tersebut kepada Jawatankuasa Utama, bertanggungjawab ke atas mekanisme pengawasan etika ahli-ahli menggunakan Kaedah-kaedah Pengawasan Etika secara dalaman yang diperuntukkan di dalam Undang-Undang Tubuh ini.</p> <p>Pelaksana JKK Pendaftaran & Etika (RET) JKK Rundingcara & Kebajikan (CW)</p> <p>Pengarah Neoh Eng Kee (RET) Wong Jin Nee (CW)</p> <p>Naib Pengarah Daniel Sim (RET) Khalek Awang (CW)</p> <p>Ahli-Ahli Deric Yeo Zuraida Jomri Abdullah Abu Nabila Syafifi Rosslan</p> | 15 | Ahli Bersekutu Bakal Francaisor | PMA Rich (M) Sdn Bhd | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 16 | Ahli Bersekutu Bakal Francaisor | SACC Convention Center Sdn Bhd | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 17 | Ahli Bersekutu Bakal Francaisor | Infinex Solutions Asia Consultancy Sdn Bhd | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 18 | Ahli Bersekutu Bakal Francaisor | De Miracle Express | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 19 | Ahli Bersekutu Bakal Francaisor | Clover Homebaker Sdn Bhd | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 20 | Ahli Bersekutu Bakal Francaisor | Ivys Nyonya Cuisine (M) Sdn Bhd | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 21 | Ahli Bersekutu Bakal Francaisor | A Plus Edu Sdn Bhd | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 22 | Ahli Bersekutu Bakal Francaisor | AMITY ORIGIN SDN BHD | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 23 | Ahli Bersekutu Bakal Francaisor | Zus Coffee Sdn Bhd | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 24 | Ahli Bersekutu Francaisor Induk | STSS Concepts Sdn Bhd | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 25 | Ahli Bersekutu Francaisor Induk | LJS Restaurants (M) Sdn Bhd | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 26 | Ahli Bersekutu Francaisor Induk | Jipinhe Scones (My) Sdn Bhd | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 27 | Ahli Bersekutu Institusi Sokongan | Enlliance Management | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 28 | Ahli Bersekutu Institusi Sokongan | Pos2U Sdn Bhd | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 29 | Ahli Bersekutu Institusi Sokongan | Speedoffice Sdn Bhd | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 30 | Ahli Bersekutu Institusi Sokongan | Niro IMS Sdn Bhd | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 31 | Ahli Bersekutu Institusi Sokongan | NU Vending Sdn Bhd | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 32 | Ahli Bersekutu Institusi Sokongan | Messrs Huei Sze & Co. | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 33 | Ahli Bersekutu Institusi Sokongan | Messrs Zharif Nizamuddin | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 34 | Ahli Bersekutu Institusi Sokongan | Miraj Consultancy | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 35 | Ahli Bersekutu Institusi Sokongan | Ipman Global Intellect Sdn. Bhd | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 36 | Ahli Bersekutu Bakal Francaisi | Senthil Kumar Arumalingam | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 37 | Ahli Pelajar | Ng Karl Wei | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Sesi Penglibatan bersama Potensi Ahli | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| <p>Tarikh dan Nama Syarikat</p> <table> <tbody> <tr> <td>9 Jan 2023</td> <td>:</td> <td>ThaiFeng Holdings Sdn Bhd</td> </tr> <tr> <td>6 April 2023</td> <td>:</td> <td>Mixue Malaysia</td> </tr> <tr> <td>10 Feb 2023</td> <td>:</td> <td>Taco Bell Malaysia</td> </tr> <tr> <td>27 Okt 2023</td> <td>:</td> <td>Hailam Kopitiam</td> </tr> <tr> <td>2 Nov 2023</td> <td>:</td> <td>Bright Kids</td> </tr> <tr> <td>2 Nov 2023</td> <td>:</td> <td>Beh & Yo</td> </tr> <tr> <td>15 Dis 2023</td> <td>:</td> <td>Lingua Learn</td> </tr> </tbody> </table> | 9 Jan 2023 | : | ThaiFeng Holdings Sdn Bhd | 6 April 2023 | : | Mixue Malaysia | 10 Feb 2023 | : | Taco Bell Malaysia | 27 Okt 2023 | : | Hailam Kopitiam | 2 Nov 2023 | : | Bright Kids | 2 Nov 2023 | : | Beh & Yo | 15 Dis 2023 | : | Lingua Learn | <p>Program ini merupakan salah satu program utama keahlian yang bertujuan untuk merekrut keahlian baru dan mempromosikan peranan dan aktiviti MFA kepada organisasi lain disamping mewujudkan hubungan mesra di kalangan pihak industri.</p> <p>Aktiviti ini dilaksanakan sama ada di Pejabat MFA atau Pejabat Ahli pada tahun sebelum ini. Aktiviti ini dilaksanakan secara fizikal dan juga atas talian bagi ahli yang berada di luar Lembah Klang.</p> <p>Pada tahun 2023, sebanyak 7 program telah diadakan kepada potensi ahli. Antara perkongsian daripada program ini adalah tatacara untuk menjadi</p> |
| 9 Jan 2023 | : | ThaiFeng Holdings Sdn Bhd | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 6 April 2023 | : | Mixue Malaysia | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 10 Feb 2023 | : | Taco Bell Malaysia | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 27 Okt 2023 | : | Hailam Kopitiam | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2 Nov 2023 | : | Bright Kids | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2 Nov 2023 | : | Beh & Yo | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 15 Dis 2023 | : | Lingua Learn | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |



| | |
|---|--|
| <p>Lokasi 6 Pejabat/ Outlet Potensi Ahli 1 Applikasi Zoom</p> <p>Objektif Jawatankuasa Kecil Pendaftaran dan Etika adalah bertanggungjawab menentukan kedudukan sesuatu permohonan untuk menjadi ahli, memperakarkan permohonan tersebut kepada Jawatankuasa Utama, bertanggungjawab ke atas mekanisme pengawasan etika ahli-ahli menggunakan Kaedah-kaedah Pengawasan Etika secara dalaman yang diperuntukkan di dalam Undang-Undang Tubuh ini.</p> <p>Pelaksana JKK Pendaftaran & Etika (RET) JKK Rundingcara & Kebajikan (CW)</p> <p>Pengarah Neoh Eng Kee (RET) Wong Jin Nee (CW)</p> <p>Naib Pengarah Daniel Sim (RET) Khalek Awang (CW)</p> <p>Ahli-Ahli Zuraida Jomri Abdullah Abu Nabila Syafifii Rosslan</p> | <p>francais, proses pendaftaran francais, manfaat dan proses keahlian MFA, aktiviti anjuran MFA serta maklumat francais secara umum.</p> |
| Kunjungan Hormat | |
| <p>Pelaksana: JK Perhubungan Kebangsaan & Antarabangsa</p> <p>Pengarah Terry Lim</p> <p>Naib Pengarah Joyce See</p> <p>Ahli-Ahli Zuraida Jomri Abdullah Abu Norhadi Md Yusof Nurizzatul Faiqah binti Rohaizat Nurul Ain Mohamad</p> | <p>Sepanjang tahun 2023, empat (4) kunjungan hormat telah diadakan bagi menjalankan hubungan erat serta bertukar pandangan mengenai perkembangan semasa industri francais dan cadangan kerjasama yang akan diadakan kelak.</p> <p>Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SKM)</p> <p>MFA telah menerima kunjungan hormat daripada Bahagian pembangunan Koperasi, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SKM) pada 1 Mac 2023 di Pejabat MFA. Pertemuan ini adalah bertujuan membincangkan peluang kolaborasi yang akan memberi manfaat kepada industri koperasi dan francais khususnya. Kunjungan hormat ini telah diketuai oleh Naib Pengurus MFA, En Mohamad Shukri Salleh.</p> <p>Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)</p> <p>Kunjungan hormat seterusnya adalah kepada YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli Bin Mohd Zin pada 1 Ogos 2023 bertempat di Bilik Mesyuarat utama PERHEBAT, Sungai Buloh. Kunjungan ini berfokuskan kepada perbincangan dan bertukar pandangan berhubung perkembangan industri francais di Malaysia dan peluang kolaborasi yang boleh dilaksanakan. Kunjungan hormat ini telah diketuai oleh Naib Pengurus MFA, Dato' Zahriah Abd Kadir dan En Mohamad Shukri Salleh.</p> <p>Bahagian Pembangunan Francais dan Jualan Langsung (BPFJL)</p> <p>MFA telah menerima kunjungan hormat daripada Bahagian Pembangunan Francais dan Jualan Langsung (BPFJL) pada 29</p> |

| | |
|--|---|
| | <p>September 2023 bertempat di Pejabat MFA. Kunjungan ini bertujuan untuk berkongsi maklumat terkini mengenai pendaftaran, francais di Kementerian, manfaat pendaftaran keahlian MFA, aktiviti anjuran MFA serta maklumat francais secara umum. Kunjungan hormat ini telah diketuai oleh Pn Zuraida Jomri, Ketua Pegawai Eksekutif MFA.</p> <p>Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup KPDN)</p> <p>Kunjungan hormat kepada Yang Berhormat Datuk Armizan bin Mohd Ali, Menteri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup KPDN pada 26 Oktober 2023 bertempat di Bangunan Utama Parlimen. Kunjungan ini berfokuskan kepada perbincangan dan bertukar pandangan berhubung perkembangan industri francais di Malaysia. Kunjungan hormat ini telah diketuai oleh Naib Pengurus MFA, En Mohamad Shukri Salleh.</p> |
|--|---|

Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-28

| | |
|--|---|
| <p>Tarikh : 27 Jun 2023 Lokasi : Royale Chulan Hotel, KL Kehadiran: 80 ahli</p> <p>Pelaksana JK Pentadbiran</p> <p>Pengarah Deric Yeo</p> <p>Naib Pengarah Kairul Azman Mohd Yusoh Khalek Awang</p> <p>Ahli-Ahli Zuraida Jomri Bayani Salihah Ibrahim</p> | <p>Program ini merupakan aktiviti tahunan MFA dan diadakan bertujuan untuk membentangkan aktiviti tahun sebelumnya, meluluskan penyata kewangan teraudit bagi tahun sebelumnya, membincangkan dan meluluskan usul dan pindaan Undang-Undang Tubuh serta melantik Juruaudit Dalaman MFA.</p> <p>Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-28 telah diadakan pada 27 Jun 2023 bertempat di Royale Chulan Hotel, Kuala Lumpur. Laporan Kemajuan Aktiviti tahun 2022 dan Laporan Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 telah dibentangkan dan diterima oleh Ahli Mesyuarat. Pada mesyuarat tersebut, terdapat tiga (3) cadangan pindaan Undang-undang iaitu Fasal 8(4) dibawah tajuk Mesyuarat Agung, Fasal 9(1) dibawah tajuk Jawatankuasa Utama dan Fasal 18(i) dibawah tajuk Penaung dan Penasihat, kesemuanya telah diterima sebulat suara dan ahli mesyuarat telahpun menyokong cadangan pindaan undang-undang tersebut.</p> |
|--|---|



Mesuarat World Franchise Council (WFC) dan Mesuarat Asia Pacific Franchise Confederation (APFC)

Mesuarat World Franchise Council (WFC) & Asia Pacific Franchise Confederation (APFC)

Tarikh: 26 – 27 Oktober 2023

Tempat: Manila, Filipina

Pelaksana:

JKK Perhubungan Kebangsaan & Antarabangsa

Pengarah

Terry Lim

Naib Pengarah

Joyce See

Prof. Dr. Azmawani Abd Rahman

Ahli-ahli

Zuraida Jomri

Norhadi Yusof

Nurizzatul Faiqah Rohaizat

Logarasan a/l Anbarasan

WFC merupakan sebuah pertubuhan antarabangsa yang terdiri daripada 48 Persatuan Francais seluruh dunia yang telah ditubuhkan pada tahun 1994. Tujuan penubuhannya adalah bagi menyediakan forum untuk bertukar pengalaman, maklumat dan pandangan dalam industri francais di negara masing-masing di samping meningkatkan saluran komunikasi di antara setiap ahli persatuan. MFA telah menganggotai WFC sejak tahun 1998 dan pernah dilantik sebagai Sekretariat Legal Affair untuk sesi 2013 sehingga 2015.

| Objektif: Bertujuan untuk menghebahkan dan berkongsi maklumat dan pengetahuan mengenai MFA, para ahli dan industri francais di peringkat kebangsaan dan antarabangsa kepada para ahli, penggiat industri dan masyarakat. Selain itu, ianya juga sebagai satu cara untuk meningkatkan keyakinan dan kepercayaan jenama MFA sebagai sumber rujukan francais. Pelaksana: JKK Promosi & Perhubungan Awam | Promosi di Media Sosial <p>MFA giat mempromosikan ahli dan aktiviti ahli melalui 8 saluran media sosial iaitu Facebook, Instagram, Twitter dan Laman sesawang MFA. Sepanjang tahun 2023 sebanyak 303 hebahan berkaitan MFA, ahli dan industri francais telah dibuat melalui pelbagai saluran media sosial MFA.</p> | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
|---|--|-------------------------|-----------------------|-------------------------|---|-----------------------------|--------|---|------------------------------|-------|---|----------------|-----|---|---|-----|---|------------------------------------|-----|---|---------------------------|
| | <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Platform Media Sosial</th> <th>Bil Pengikut/Tanda Suka</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>Facebook /franchiseMalaysia</td> <td>35,227</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>Instagram @franchisemalaysia</td> <td>3,109</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>X @FranchiseMY</td> <td>807</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>LinkedIn /Malaysian Franchise Association</td> <td>989</td> </tr> <tr> <td>5</td> <td>Telegram /https://t.me/myfranchise</td> <td>408</td> </tr> <tr> <td>6</td> <td>Tiktok @franchisemalaysia</td> <td>617</td> </tr> </tbody> </table> <p>Selain itu, pada tahun 2023 juga, MFA telah bekerjasama dengan beberapa Page/KOL untuk mempromosikan program FIM2023 antaranya:</p> | Bil | Platform Media Sosial | Bil Pengikut/Tanda Suka | 1 | Facebook /franchiseMalaysia | 35,227 | 2 | Instagram @franchisemalaysia | 3,109 | 3 | X @FranchiseMY | 807 | 4 | LinkedIn /Malaysian Franchise Association | 989 | 5 | Telegram /https://t.me/myfranchise | 408 | 6 | Tiktok @franchisemalaysia |
| Bil | Platform Media Sosial | Bil Pengikut/Tanda Suka | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 1 | Facebook /franchiseMalaysia | 35,227 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2 | Instagram @franchisemalaysia | 3,109 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 3 | X @FranchiseMY | 807 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 4 | LinkedIn /Malaysian Franchise Association | 989 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 5 | Telegram /https://t.me/myfranchise | 408 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 6 | Tiktok @franchisemalaysia | 617 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |

| <p>Pengarah Amran Abdul Hamid</p> <p>Naib Pengarah Kairul Azman Mohd Yusoh</p> <p>Ahli-Ahli Zuraida Jomri Abdullah Abu Nurul Ain Mohamad Muhammad Najib Ramli</p> <p>Objektif: Bertujuan untuk menghebahkan dan berkongsi maklumat dan pengetahuan mengenai MFA, para ahli dan industri francais di peringkat kebangsaan dan antarabangsa kepada para ahli, penggiat industri dan masyarakat. Selain itu, ianya juga sebagai satu cara untuk meningkatkan keyakinan dan kepercayaan jenama MFA sebagai sumber rujukan francais.</p> <p>Pelaksana: JKK Promosi & Perhubungan Awam</p> <p>Pengarah Amran Abdul Hamid</p> <p>Naib Pengarah Kairul Azman Mohd Yusoh</p> <p>Ahli-Ahli Zuraida Jomri Abdullah Abu Nurul Ain Mohamad Muhammad Najib Ramli</p> | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Farqhan.com ▪ Malaysiakini ▪ Pencerita TV ▪ FaridOmar Channel <p>Laman Sesawang MFA</p> <p>MFA juga turut memuatkan profil ahli ke dalam laman sesawang bagi tujuan promosi dan ahli juga turut berpeluang mengiklankan sistem francais mereka melalui laman sesawang ini. Sebanyak 143 Ahli Biasa pada tahun 2023 telah menerima manfaat ini di mana logo dan profil mereka telah dipaparkan di laman sesawang MFA.</p> <p>Emel Pemasaran</p> <p>Sepanjang tahun 2023, sebanyak 78 email pemasaran telah dibuat menggunakan pangkalan data MFA bagi menghebahkan semua aktiviti, maklumat terkini industri dan MFA, berita ahli dan pengumuman.</p> <p>Rekabentuk bahan promosi</p> <p>Bagi memastikan poster atau bahan promosi dan pemasaran kelihatan menarik, MFA telah menghasilkan sendiri rekabentuknya. Sebanyak 22 konsep rekabentuk telah dihasilkan sepanjang tahun 2023.</p> <p>Sidang Media</p> <p>MFA telah melaksanakan sidang media yang merangkumi penyediaan nota ucapan, kenyataan akhbar, jemputan media dan lain-lain bagi program seperti jadual di bawah. Butiran lanjut senarai liputan adalah seperti di Lampiran.</p> <table border="1" data-bbox="516 1035 1410 1455"> <thead> <tr> <th>TARIKH</th><th>PROGRAM</th><th>TEMPAT</th><th>LIPUTAN</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>7 Jan 2023</td><td>Majlis Pelancaran Outlet Oldtown White Coffee</td><td>IOI City Mall, Putrajaya</td><td>3 Liputan</td></tr> <tr> <td>15 Mac 2023</td><td>Pelancaran FIM2023</td><td>CheeseU, IOI City Mall</td><td>7 Liputan</td></tr> <tr> <td>18 Mei 2023</td><td>Majlis Perasmian FIM2023</td><td>KLCC</td><td>24 Liputan</td></tr> <tr> <td>26 Jun 2023</td><td>Majlis Pelancaran Anugerah Francois Malaysia</td><td>Hotel Royale Chulan, KL</td><td>5 Liputan</td></tr> </tbody> </table> | TARIKH | PROGRAM | TEMPAT | LIPUTAN | 7 Jan 2023 | Majlis Pelancaran Outlet Oldtown White Coffee | IOI City Mall, Putrajaya | 3 Liputan | 15 Mac 2023 | Pelancaran FIM2023 | CheeseU, IOI City Mall | 7 Liputan | 18 Mei 2023 | Majlis Perasmian FIM2023 | KLCC | 24 Liputan | 26 Jun 2023 | Majlis Pelancaran Anugerah Francois Malaysia | Hotel Royale Chulan, KL | 5 Liputan |
|--|---|--------------------------|------------|--------|-------------|-----------------------------------|---|--------------------------|-----------|-------------|--------------------|------------------------|-----------|-------------|--------------------------|------|------------|-------------|--|-------------------------|-----------|
| TARIKH | PROGRAM | TEMPAT | LIPUTAN | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 7 Jan 2023 | Majlis Pelancaran Outlet Oldtown White Coffee | IOI City Mall, Putrajaya | 3 Liputan | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 15 Mac 2023 | Pelancaran FIM2023 | CheeseU, IOI City Mall | 7 Liputan | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 18 Mei 2023 | Majlis Perasmian FIM2023 | KLCC | 24 Liputan | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 26 Jun 2023 | Majlis Pelancaran Anugerah Francois Malaysia | Hotel Royale Chulan, KL | 5 Liputan | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| <p>Promosi & Pemasaran</p> <p>Objektif: Bertujuan untuk menghebahkan dan berkongsi maklumat dan pengetahuan mengenai MFA, para ahli dan industri francais di peringkat kebangsaan dan antarabangsa kepada para ahli, penggiat industri dan masyarakat. Selain itu, ianya juga sebagai satu cara untuk meningkatkan keyakinan dan kepercayaan jenama MFA sebagai sumber rujukan francais.</p> | <p>Promosi Francois di Ekspo dan Program Tempatan</p> <p>Bagi meningkatkan penjenamaan MFA di seluruh Malaysia, pihak JKK PPR juga telah menyertai beberapa ekspo peringkat tempatan. Inisiatif ini ada bertujuan untuk menyebarluas maklumat tentang perniagaan Francois serta aktiviti MFA kepada masyarakat. Selain itu, program seperti pertandingan juga turut diadakan dengan objektif untuk mengumpulkan penggiat industri dalam satu program serta menggalakkan gaya hidup sihat di antara mereka. Antara program yang telah disertai adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="500 1927 1426 2061"> <thead> <tr> <th>TARIKH</th><th>PROGRAM</th><th>TEMPAT</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>11 Mac 2023</td><td>Franchise Bowling Tournament 2023</td><td>Wangsa Bowl, One Utama</td></tr> </tbody> </table> | TARIKH | PROGRAM | TEMPAT | 11 Mac 2023 | Franchise Bowling Tournament 2023 | Wangsa Bowl, One Utama | | | | | | | | | | | | | | |
| TARIKH | PROGRAM | TEMPAT | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 11 Mac 2023 | Franchise Bowling Tournament 2023 | Wangsa Bowl, One Utama | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |



| | | | |
|--|--|------------------------------|--|
| Pelaksana: JKK Promosi & Perhubungan Awam Pengarah Amran Abdul Hamid Naib Pengarah Kairul Azman Mohd Yusoh Ahli-Ahli Zuraida Jomri Abdullah Abu Nurul Ain Mohamad Muhammad Najib Ramli | 7 -9 Julai 2023 | Franchise Expo (MIRF) | KLCC |
| | 21-23 Julai 2023 | Hari Koperasi Negara (HKN) | Sabah International Convention Centre (SICC) |
| | 25-26 Julai 2023 | SSM International Conference | Online |
| | 12-15 Sep 2023 | MIHAS 2023 | Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC) |
| Kempen Program | | | |
| <p>Sebagai salah satu inisiatif dalam mempromosikan industri francais, MFA telah mempelbagaikan kempen di media sosial. Selain bertujuan untuk menghebahkan aktiviti MFA, kempen ini juga bertujuan untuk menyebarkan kesedaran masyarakat umum terhadap isu semasa.</p> <p>Selain itu, MFA dengan kerjasama beberapa institusi lain telah menjalankan beberapa kempen promosi di sosial media dengan objektif untuk mempromosikan jenama francais tempatan kepada masyarakat umum. Kempen ini telah dilaksanakan di semua platform media sosial MFA dan institusi berkaitan. Antara kempen yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023 adalah termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • CNY: Wish and Post pada 18 hingga 22 Januari 2023 dengan tujuan untuk memeriahkan sambutan perayaan Tahun Baru Cina disamping meningkatkan kesedaran mengenai perniagaan francais. • Franchise Bowling 2023 pada Feb hingga Mac 2023 dengan tujuan mempromosikan penyertaan pertandingan bowling MFA melalui poster hebahan di media sosial dan kaedah EMBI oleh sekretariat. • FIM2023 pada Dis 2022 sehingga Mei 2023 dengan tujuan untuk mempromosikan FIM umum merangkumi semua kategori sasaran. Kempen ini melibatkan semua platform termasuk termasuk media sosial televisyen, radio, laman sesawang dan email marketing. ▪ Hari Malaysia 2023 pada Ogos 2023 dengan tujuan menghebahkan Kempen Hari Kebangsaan 'Merdeka Shout Out'. Poster promosi sempena hari kebangsaan telah dikongsikan ke media sosial MFA untuk 14 jenama ▪ Anugerah Francais Malaysia 2023: Kempen bagi program ini bermula Jun sehingga Okt 2023. Penyediaan konsep Anugerah Francais Malaysia 2023 telah dijalankan untuk pelancaran anugerah pada 27 Jun 2023 bersempena AGM2023. Selain itu, kempen hebahan pencalonan anugerah akan dilaksanakan di semua platform MFA yang bersesuaian bermula tarikh pelancaran dan mendatang. • Membership: Join MFA Now! Bermula Mei hingga Ogos 2023. Kempen ini bertujuan untuk menarik lebih banyak syarikat mendaftar sebagai ahli MFA. Aktiviti melibatkan perkongsian e-bulletin berkaitan ahli baru MFA, manfaat keahlian, testimoni keahlian serta aktiviti promosi dengan memberi sejumlah diskau kepada ahli MFA yang ingin menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh MFA. | | | |
| Editorial | | | |
| Program/ Aktiviti Editorial Objektif: Melaksanakan editorial untuk temuramah dan soal jawab, menyediakan nota ucapan, | Ucapan <p>Sepanjang tahun 2023, sebanyak 10 teks ucapan tetamu kehormat bagi program anjuran MFA telah disediakan dan butiran lanjut adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Teks ucapan Pengerusi MFA, Datuk Dr. Radzali Hassan untuk Majlis Penyampaian Sijil Malaysia Book of Records Laundrybar. • Teks ucapan Pengerusi MFA, Datuk Dr. Radzali Hassan untuk Pelancaran Anugerah Francais Malaysia 2023. | | |

kenyataan akhbar serta kata alu-aluan bagi setiap aktiviti yang disertai oleh MFA.

Pelaksana:

JKK Promosi & Perhubungan Awam

Pengarah

Amran Abdul Hamid

Naib Pengarah

Kairul Azman Mohd Yusoh

Ahli-Ahli

Zuraida Jomri
Abdullah Abu
Nurul Ain Mohamad
Muhammad Najib Ramli

- Teks ucapan Datuk Azman Mohd Yusof KSU, KPDN dan Dawn Liew, Ketua Pegawai Eksekutif, Oldtown White Coffee untuk Majlis Pelancaran Outlet Oldtown White Coffee.
- Teks Ucapan En Mohamad Shukri Salleh, Naib Pengerusi MFA untuk Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Global Art dan Francais Induk Taiwan.
- Teks Ucapan En Mohamad Shukri Salleh, Naib Pengerusi MFA untuk Malam GALA Myeongdong Topokki.
- Teks ucapan Dawn Liew, Ketua Pegawai Eksekutif, Oldtown White Coffee, untuk Majlis Pelancaran Menu Rahmah Oldtown.
- Teks ucapan Datuk Azman Mohd Yusof KSU, KPDN dan Datuk Dr. Hj Radzali Hassan, Pengerusi MFA untuk Majlis Pelancaran FIM2023.
- Teks ucapan YB Datuk Seri Salahuddin bin Ayub Menteri KPDN dan Datuk Dr. Hj Radzali Hassan, Pengerusi MFA untuk Majlis Perasmian FIM2023.
- Teks ucapan YB Senator Puan Hajah Fuziah Binti Salleh Timb. Menteri KPDN untuk Misi Perdagangan India.
- Teks ucapan YAB Dato' Seri Zahid Hamidi, Timb. Perdana Menteri dan Datuk Dr. Hj Radzali Hassan, Pengerusi MFA untuk Malam Anugerah Francais 2023.

Kenyataan Media

Kenyataan media MFA disediakan untuk memaklumkan dan menghebahkan mengenai program atau aktiviti yang dilaksanakan oleh MFA. Sepanjang tahun 2023, 5 kenyataan media telah diedarkan dan diterbitkan oleh media arus perdana bagi tujuan liputan berita. Butiran lanjut seperti berikut:

| TAJUK | TARIKH | BIL. LIPUTAN |
|--|-----------|--------------|
| Perluas pasaran di FIM2023 | 14/3/2023 | 7 liputan |
| Syarikat Francais intai pasaran Australia | 6/5/2023 | 8 liputan |
| FIM2023 sedia platform urusniaga francais yang kondusif | 18/5/2023 | 24 liputan |
| Anugerah Francais Malaysia Angkat Imej Usahawan Francais | 27/6/2023 | 6 liputan |
| Oldtown White Coffee Raih Anugerah Francais Terbaik | 9/10/2023 | 21 liputan |

Prakata dan Lain-lain

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 8 prakata telah diterbitkan untuk dimasukkan di dalam penerbitan MFA. Butiran lanjut seperti berikut:

| PLATFORM | WAKIL |
|--|--|
| Franchise Mind Vol.1/2023 | Datuk Dr. Hj Radzali Hassan <i>Pengerusi MFA</i> |
| Franchise Mind Vol.2/2023 - Buku Direktori FIM2023 | YB Datuk Seri Salahuddin bin Ayub <i>Мenteri KPDN</i> |
| | Datuk Dr. Hj Radzali Hassan <i>Pengerusi MFA</i> |
| Mesyuarat Agung MFA | Datuk Dr. Hj Radzali Hassan <i>Pengerusi MFA</i> |
| Franchise Mind Vol.2/2023 - | Dato Sri Alexander Nanta Linggi <i>Мenteri</i> |



| | <table border="1"> <tr> <td>Buku Direktori FIM2023</td><td>Datuk Dr. Hj Radzali Hassan <i>Pengerusi MFA</i></td></tr> <tr> <td>Buku Program MAF2023</td><td>Datuk Azman Yusof <i>KSU KPDN</i></td></tr> </table> | Buku Direktori FIM2023 | Datuk Dr. Hj Radzali Hassan <i>Pengerusi MFA</i> | Buku Program MAF2023 | Datuk Azman Yusof <i>KSU KPDN</i> | | | | | | | | | | | |
|--|--|-----------------------------|---|----------------------|--------------------------------------|------------|-----------------------------|-------------|------------|---------------------|-------------|---|--------------------------|------------|---|----------------------|
| Buku Direktori FIM2023 | Datuk Dr. Hj Radzali Hassan <i>Pengerusi MFA</i> | | | | | | | | | | | | | | | |
| Buku Program MAF2023 | Datuk Azman Yusof <i>KSU KPDN</i> | | | | | | | | | | | | | | | |
| Penerbitan | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Objektif: Menerbitkan Buku / Majalah / Buletin yang merupakan wadah penyaluran dan perkongsian pelbagai idea, maklumat, berita, panduan berkaitan MFA, ahli MFA, industri francais dan keusahawanan. | Majalah dan Buku Program MFA telah menerbitkan beberapa buku sepanjang tahun 2023 bagi tujuan selari program yang dianjurkan. Penerbitan meliputi majalah, buku program, buku laporan tahunan dan banyak lagi. Ianya telah diedarkan kepada ahli dan bakal ahli. Jadual Penerbitan adalah seperti berikut: | | | | | | | | | | | | | | | |
| Pelaksana: JKK Promosi & Perhubungan Awam | <table border="1"> <thead> <tr> <th>TARIKH KELUARAN</th> <th>EDISI</th> <th>TOPIK HIGHLIGHT</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>18 Mei 2023</td> <td>Vol.1/2023</td> <td>MAF2022: Honouring The Best</td> </tr> <tr> <td>18 Mei 2023</td> <td>Vol.1/2023</td> <td>FIM Special Edition</td> </tr> <tr> <td>27 Jun 2023</td> <td>-</td> <td>Buku Laporan Tahunan MFA</td> </tr> <tr> <td>5 Okt 2023</td> <td>-</td> <td>Buku Program MAF2023</td> </tr> </tbody> </table> | TARIKH KELUARAN | EDISI | TOPIK HIGHLIGHT | 18 Mei 2023 | Vol.1/2023 | MAF2022: Honouring The Best | 18 Mei 2023 | Vol.1/2023 | FIM Special Edition | 27 Jun 2023 | - | Buku Laporan Tahunan MFA | 5 Okt 2023 | - | Buku Program MAF2023 |
| TARIKH KELUARAN | EDISI | TOPIK HIGHLIGHT | | | | | | | | | | | | | | |
| 18 Mei 2023 | Vol.1/2023 | MAF2022: Honouring The Best | | | | | | | | | | | | | | |
| 18 Mei 2023 | Vol.1/2023 | FIM Special Edition | | | | | | | | | | | | | | |
| 27 Jun 2023 | - | Buku Laporan Tahunan MFA | | | | | | | | | | | | | | |
| 5 Okt 2023 | - | Buku Program MAF2023 | | | | | | | | | | | | | | |
| Pengarah Amran Abdul Hamid | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Naib Pengarah Kairul Azman Mohd Yusoh | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Ahli-Ahli Zuraida Jomri Abdullah Abu Nurul Ain Mohamad Muhammad Najib Ramli | | | | | | | | | | | | | | | | |



PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Laporan Prestasi Kewangan
Laporan Juruaudit Bebas
Laporan Berkanun Jawatankuasa Utama
Akaun Berkanun Bendahari
Lembaran Imbangan
Penyata Pendapatan & Perbelanjaan
Penyata Penerimaan & Pembayaran
Nota-nota kepada Penyata Kewangan




LAPORAN PRESTASI KEWANGAN

Prestasi kewangan Persatuan Francais Malaysia (MFA) secara keseluruhannya mencatatkan keuntungan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 sebanyak RM38 ribu. Berbanding tahun 2022, berlaku sedikit penurunan prestasi dan ini dipengaruhi oleh penurunan pendapatan dan peningkatan perbelanjaan. Secara umumnya, pendapatan dan perbelanjaan MFA terdiri daripada perlaksanaan aktiviti sama ada dilaksanakan dengan pembiayaan sepenuhnya oleh MFA atau program yang dianjurkan secara kerjasama


yang mana terdapat perolehan yang diterima daripada pihak Kementerian atau agensi. Pendapatan dan perbelanjaan yang diperolehi daripada program yang dianjurkan secara kerjasama ini tidak dapat dijangkakan kerana tertakluk kepada keputusan pihak Kementerian atau agensi tersebut. Pada tahun 2023, pendapatan MFA mencatatkan sedikit penurunan tidak ketara sebanyak 1% berbanding 2022, manakala jumlah perbelanjaan meningkat sebanyak 1% berbanding tahun 2022.

Pendapatan & Perbelanjaan



Pendapatan

MFA mencatatkan jumlah pendapatan keseluruhan sebanyak RM 5,149 juta pada tahun 2023 berbanding tahun 2022 iaitu RM 5,180 juta. Pendapatan MFA keseluruhannya terdiri daripada yuran keahlian, kursus dan seminar francais, acara, program kerjasama dan lain-lain. Butiran pendapatan tahun 2023 dan 2022 adalah seperti berikut.



| Butiran Pendapatan | (RM'000) | | Varian | |
|---------------------|----------|-------|--------|------|
| | 2023 | 2022 | RM | % |
| Keahlian | 405 | 339 | 66 | 19% |
| Kursus dan Seminar | 163 | 188 | -25 | -13% |
| Pengurusan Acara | 1,930 | 1,900 | 30 | 2% |
| Pelbagai Pendapatan | 97 | 143 | -46 | -32% |
| Jumlah | 2,596 | 2,570 | 25 | 1% |
| Program Kerjasama | 2,553 | 2,610 | -56 | -2% |
| Jumlah Pendapatan | 5,149 | 5,180 | -31 | -1% |

Keahlian

Pendapatan keahlian adalah sebanyak RM405 ribu pada tahun 2023 berbanding RM339 ribu pada 2022. Yuran keahlian mencatatkan peningkatan sebanyak 19% atau RM66 ribu pada tahun semasa berbanding tahun kewangan lepas. Yuran keahlian menyumbang sebanyak 8% kepada jumlah pendapatan MFA bagi tahun kewangan semasa, lebih tinggi daripada 7% pada 2022 disebabkan oleh program pemutihan keahlian yang dijalankan dan pengaktifan semula ahli sedia ada. Bagi menunjukkan laporan yang lebih realistik, MFA telah menggariskan polisi untuk mengemukakan inbois hanya kepada ahli yang mempunyai hutang tidak melebihi 3 tahun. Ahli baru akan dikenakan yuran pada kadar pro rata namun mereka perlu mengemukakan bayaran penuh keahlian tahun pertama bersama dengan yuran proses.

Pelbagai Pendapatan

Pelbagai pendapatan MFA terdiri daripada yuran pengurusan acara, yuran penyelenggaraan laman sesawang APFC, jualan penerbitan – iklan dan buku, serta penerimaan dividen dari akaun semasa dan pelaburan simpanan tetap dan program tanggungjawab sosial korporat . Pelbagai Pendapatan telah menjana perolehan sebanyak RM97 ribu pada tahun 2023 berbanding RM143 ribu pada tahun 2022 dengan penurunan sebanyak 32%.

Program Kerjasama

Program Kerjasama adalah program yang dibiayai sepenuhnya oleh pihak Kementerian / agensi di mana penglibatan MFA adalah hanya sebagai badan pelaksana program. Pada tahun 2023, program kerjasama adalah daripada perlaksanaan Program Pengukuhan Pembangunan Francais untuk Meningkatkan Eksport (EFDP) yang terdiri daripada 2 program latihan, 4 *International Market Update Session* (IMUS), 3 Siri Webinar, 2 program *Specialise Business Mission* (SBM), dan 5 Misi Perdagangan. Manakala, pada tahun 2022, peruntukan bagi program kerjasama adalah daripada perlaksanaan Program Pengukuhan Pembangunan

Kursus & Seminar

Pendapatan keseluruhan bagi yuran kursus dan seminar menunjukkan pengurangan sebanyak 13% iaitu RM188 ribu kepada RM163 ribu pada 2023.Bagi tahun 2023, sejumlah 6 program latihan telah dilaksanakan iaitu 4 Kursus Asas Perniagaan Francais (KAPF) 1 Kursus Persediaan Bakal Francisor (KPF) dan 1 Kursus Persediaan Peruding Francais (KPPF).Berbanding tahun 2022, sebanyak 7 program latihan telah dilaksanakan iaitu 4 Kursus Asas Perniagaan Francais (KAPF) 2 Kursus Persediaan Bakal Francisor (KPF) dan 1 Kursus Persediaan Peruding Francais (KPPF).

Pengurusan Acara


Pendapatan bagi acara adalah daripada perlaksanaan 3 acara tahunan MFA iaitu Franchise International Malaysia 2023 (FIM2023) dan Malam Anugerah Francais 2023 (MAF2023) dan Franchise Bowling Tournament 2023 (FBT2023) dengan jumlah pendapatan sebanyak RM 1.930 juta iaitu 37% daripada jumlah pendapatan keseluruhan MFA. Manakala pada tahun 2022, 2 acara telah dilaksanakan iaitu Franchise International Malaysia 2022 (FIM2022) dan Malam Anugerah Francais 2022 (MAF2022) dengan jumlah pendapatan sebanyak RM 1.9 juta iaitu 37% daripada jumlah pendapatan keseluruhan MFA.

Francais untuk Meningkatkan Eksport (EFDP) yang terdiri daripada 2 program latihan, 4 *International Market Update Session* (IMUS), 6 Siri Webinar, 1 program *Specialise Business Mission* (SBM), 1 program Mydigifex dan 3 Misi Perdagangan. Peruntukan Program Francais Mikro dan Mampu Milik (F3M) pula terdiri daripada perlaksanaan 3 Program Latihan Kursus Asas Francais Mikro (KAPFM) , 12 Program Jelajah Francais dan 1 program promosi. Pendapatan daripada program kerjasama ini menyumbang sebanyak 50% kepada pendapatan tahun semasa MFA.



Perbelanjaan

MFA mencatatkan jumlah perbelanjaan bagi melaksanakan aktiviti mengalami kenaikan tidak ketara sebanyak 1% iaitu RM5.111 juta pada 2023 daripada RM5.066 juta pada 2022. Butiran lanjut serta analisis kewangan seperti berikut:



| Butiran Perbelanjaan | (RM'000) | | Varian | |
|-----------------------|----------|-------|--------|-------|
| | 2023 | 2022 | RM | % |
| Keahlian | 153 | 65 | -88 | -136% |
| Kursus dan Seminar | 88 | 69 | -19 | -28% |
| Pengurusan Acara | 1,323 | 1,389 | 66 | 5% |
| Pelbagai Perbelanjaan | 91 | 169 | 78 | 46% |
| Pentadbiran | 1,213 | 1,265 | 52 | 4% |
| Jumlah | 2,868 | 2,957 | 88 | 3% |
| Program Kerjasama | 2,242 | 2,110 | -133 | -6% |
| Jumlah Perbelanjaan | 5,111 | 5,066 | -44 | -1% |

Keahlian

Perbelanjaan keahlian menunjukkan kenaikan ketara kepada RM153 ribu berbanding dengan RM65 ribu pada tahun kewangan yang lepas disebabkan pertambahan penyertaan program oleh MFA bagi menambah keahlian serta perlaksanaan program pemurnian ahli MFA.

Kursus & Seminar

Perbelanjaan perlaksanaan kursus dan seminar pada 2023 menunjukkan peningkatan sebanyak 19% kepada RM88 ribu daripada RM69 ribu pada 2022 disebabkan peningkatan kos perlaksanaan program.

Pengurusan Acara

Perbelanjaan bagi pengurusan acara menunjukkan penurunan tidak ketara kepada RM1.323 juta daripada RM1.389 juta pada tahun 2022 disebabkan penjimatan kos perlaksanaan acara iaitu kos promosi dan percetakan.

Pelbagai Perbelanjaan

Perbagai perbelanjaan mencatatkan penurunan pada tahun 2023 sebanyak 46% kepada RM91 ribu daripada RM169 ribu pada 2022. Perbezaan ketara adalah disebabkan oleh kos pelaksanaan program misi pembelajaran pada tahun 2022. Perbelanjaan pada 2023 merangkumi perbelanjaan

menghadiri Mesyuarat APFC & WFC, kos bagi jemputan pameran dan ceramah, kos perlaksanaan program tanggungjawab sosial korporat, kos percetakan Franchise Mind serta kos penyelenggaraan sistem pejabat.

Pentadbiran

Belanja bagi pentadbiran merangkumi perbelanjaan bagi hal ehwal Persatuan, hal ehwal Jawatankuasa Utama, Sumber Manusia serta belanja operasi. Belanja pentadbiran menurun sebanyak 4% kepada RM1.213 juta berbanding RM1.265 juta pada tahun 2022.

Program Kerjasama

Perbelanjaan program kerjasama pada 2023 meningkat 10% kepada RM2.242 juta daripada RM2.037 juta adalah dipengaruhi oleh perlaksanaan program yang dianjurkan. Perbezaan jumlah perbelanjaan pada tahun 2023 dan 2022 kesan daripada perlaksanaan pelbagai jenis dan jumlah program.

JUMLAH ASET

Jumlah aset mencatatkan kenaikan 7% kepada RM4.645 juta daripada RM4.220 juta pada akhir tahun kewangan sebelumnya disebabkan oleh peningkatan pada yuran belum terima dan pelbagai penghutang, deposit & prabayar.

a)Yuran Keahlian Belum Terima

Yuran keahlian belum terima pada 2023 adalah sebanyak RM102 ribu berbanding RM116 ribu pada tahun 2022, mencatatkan pengurangan sebanyak 12%. Yuran belum terima ini adalah jumlah yuran keahlian belum terima bersih setelah ditolak dengan peruntukan hutang lapuk yang dilaksanakan bagi menggambarkan keadaan sebenar kedudukan kewangan MFA. Polisi ini telah disemak setiap tahun dan dilaksanakan mengikut kemampuan kewangan MFA untuk menyerap belanja peruntukan hutang lapuk ini. Penurunan jumlah tunggakan disebabkan oleh perlaksanaan dasar kutipan yuran yang lebih tegas dan efektif pada tahun semasa berbanding tahun sebelumnya.

b)Yuran Kursus dan Seminar Belum Terima

Yuran kursus dan seminar belum terima meningkat ketara pada 2023 iaitu RM 29 ribu daripada RM3 ribu pada akhir tahun 2022 disebabkan perlaksanaan program latihan pada akhir tahun 2023 dan pembayaran diterima pada awal tahun 2024.

c)Yuran Acara Belum Terima

Yuran acara belum terima menunjukkan peningkatan ketara daripada RM143 ribu kepada RM774 ribu pada 2023. Peningkatan tersebut disebabkan oleh pengeluaran awal invois program FIM2024 pada akhir tahun 2023 kepada 33 syarikat dengan jumlah invois RM717 ribu.

d)Pegangan tunai

Pegangan tunai daripada simpanan tetap serta baki di tangan dan di bank menurun kepada RM2.597 juta berbanding RM3.297 juta pada 2022.



JUMLAH LIABILITI

Jumlah liabiliti meningkat 9% kepada RM3.477 juta pada akhir tahun kewangan 2023 berbanding RM3.174 juta disebabkan oleh peningkatan hasil terdahulu dan pelbagai pembiutang.

a) Hasil Terdahulu

Hasil terdahulu merangkumi penyaluran wang peruntukan daripada pihak kementerian bagi melaksanakan aktiviti promosi francais secara kerjasama dengan pihak Kementerian. Sebahagian besar peruntukan adalah bagi program EFDP dan Program Francois Mikro dan Mampu Milik.

b) Pembiutang dan Pelbagai Pembiutang

Jumlah Pembiutang mencatat penurunan sebanyak 33%, manakala pelbagai pembiutang mencatatkan peningkatan 46% RM305 ribu daripada RM209 ribu pada 2022.

RAMILAN ABDUL RAHMAN

Bendahari Agung

10 Jun 2024

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADА AHLI-AHLI PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966)

Laporan Audit ke atas Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA yang merangkumi lembaran imbangan, penyata pendapatan dan perbelanjaan dan penyata penerimaan dan pembayaran bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2023 dan nota-nota kepada penyata kewangan, serta polisi-polisi perakaunan yang penting, seperti yang dikemukakan pada mukasurat 5 hingga 16.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Persatuan pada 31 Disember 2023, dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut mengikut Piawaian Laporan Entiti Persendirian (MPERS) dan keperluan Akta Pertubuhan 1966.

Asas Bagi Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian diuraikan dengan lanjut dalam Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit seksyen Penyata Kewangan laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika lain

Kami bebas daripada Persatuan ini mengikut Undang-Undang Kecil (Etika Profesional, Perlakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa bagi kod Etika Akauntan untuk Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Bebas Antarabangsa) ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika yang lain mengikut Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA.

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit yang Berkaitan

Para Ahli Jawatankuasa Utama Persatuan bertanggungjawab untuk maklumat-maklumat yang lain. Maklumat-maklumat yang lain terdiri daripada Laporan Ahli Jawatankuasa Utama tetapi tidak termasuk penyata kewangan Persatuan dan laporan audit.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Persatuan tidak meliputi Laporan Ahli Jawatankuasa Utama dan kami tidak memberi sebarang bentuk jaminan mengenainya.

Sehubungan dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Persatuan, tanggungjawab juruaudit adalah untuk membaca Laporan Ahli Jawatankuasa Utama dan, dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada Laporan Ahli Jawatankuasa Utama tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Persatuan atau dengan pengetahuan kami yang diperolehi ketika audit, atau sebaliknya memberi salahnya yang ketara.

Jika, berdasarkan kerja yang telah kami lakukan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara dalam Laporan Ahli Jawatankuasa Utama, maka kami dikehendaki melaporkan hakikat itu. Namun demikian, setelah kerja-kerja pengauditan dilaksanakan, kami tidak menemui apa-apa untuk dilaporkan mengenai hal ini.

Tanggungjawab Jawatankuasa Utama terhadap Penyata Kewangan

Penyediaan dan pembentangan yang memberi gambaran benar dan saksama penyata kewangan adalah tanggungjawab para Ahli Jawatankuasa Utama Persatuan selaras dengan Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia dan Akta Pertubuhan, 1966 di Malaysia. Ahli Jawatankuasa Utama juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman memandangkan keputusan ahli jawatankuasa adalah perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Syarikat yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Persatuan, Ahli Jawatankuasa Utama bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Persatuan untuk terus beroperasi secara berterusan, mendedahkan, sekiranya yang berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan usaha berterusan bagi asas perakaunan melainkan jika Ahli Jawatankuasa Utama sama ada berhasrat untuk membubarkan Persatuan atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi perlu berbuat demikian.



Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan

Matlamat kami adalah untuk mendapatkan keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Persatuan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada akibat penipuan atau kesilapan dan untuk mengeluarkan laporan juruaudit yang mengandungi pendapat kami. Keyakinan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi tetapi tidak menjamin bahawa kerja audit yang dilaksanakan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesahkan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh berlaku hasil daripada penipuan atau kesilapan dan dikira ketara jika, secara berasingan atau secara terkumpul, ianya secara munasabah dijangka akan memberikan kesan kepada keputusan ekonomi yang dilakukan pengguna yang diambil berdasarkan maklumat penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang proses pengauditan. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Persatuan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, membuat dan melaksanakan prosedur audit bertindak balas kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesahkan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, pengabadian yang disengaja, gambaran yang salah, atau melanggar kawalan dalaman.
- Memahami kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi mencipta prosedur audit yang sewajarnya dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Persatuan.
- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh para Pengarah.
- Menyimpulkan tentang kewajaran asas usaha berterusan perakaunan yang digunakan oleh para pengarah, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, adakah ketidakpastian wujud berkenaan dengan peristiwa atau keadaan yang berkemungkinan boleh menimbulkan keraguan yang besar keatas keupayaan Persatuan untuk sentiasa berterusan. Jika kami menyimpulkan bahawa terdapat ketidakpastian yang ketara wujud, kami adalah dikehendaki untuk melaporkan dalam laporan juruaudit dan di dalam nota-nota yang berkaitan dalam penyata kewangan Persatuan atau, jika nota-nota tersebut tidak mencukupi, perlulah mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami berdasarkan bukti-bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh laporan audit dikeluarkan. Walaubagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan mungkin akan menyebabkan Persatuan tidak berupaya meneruskan operasi berterusan.
- Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan isi kandungan penyata kewangan Persatuan, termasuk nota-nota, dan sama ada penyata kewangan menunjukkan transaksi dan peristiwa yang berlaku dengan cara menunjukkan pembentangan yang saksama.

Kami berkomunikasi dengan Ahli Jawatankuasa dan wakil berkenaan, antara yang lain, skop dan masa pengauditan yang dirancang dan kelemahan yang ketara dalam kawalan dalaman yang telah kami kenalpasti semasa pengauditan.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADAH AHLI-AHLI PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966)

Lain-lain perkara

Laporan ini dibuat hanya untuk Persatuan, sebagai satu badan, selaras dengan Akta Persatuan 1966, di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak akan mengambil tanggungjawab terhadap pihak-pihak lain bagi kandungan laporan ini.

JAMAL, AMIN & PARTNERS

No. AF 1067

Akauntan Bertauliah

AHMAD HILMY BIN JOHARI

(No: 2977/03/26(J)

Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur

Tarikh : 1 Jun 2024



LAPORAN BERKANUN JAWATANKUASA UTAMA

(Ditubuhkan Di Bawah Akta Pertubuhan 1966)

Kami, bagi pihak Jawatankuasa Utama mewakili Persatuan Francais Malaysia dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Jawatankuasa Utama, penyata kewangan di muka surat 72 hingga 82 adalah disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA pada 31hb. Disember, 2023 dan hasil kendaliannya serta perubahan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

.....

DATUK RADZALI HASSAN
Pengerusi

.....

DERIC YEO CHIN LEE
Setiausaha Agung

.....
RAMILAN ABDUL RAHMAN
Bendahari

Kuala Lumpur
Tarikh : 1 Jun 2024

LAPORAN BERKANUN JAWATANKUASA UTAMA

(Ditubuhkan Di Bawah Akta Pertubuhan 1966)

Saya, RAMILAN ABDUL RAHMAN, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kwangan PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA dengan ikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan di muka surat 72 hingga 82 mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui)
oleh penama di atas RAMILAN ABDUL RAHMAN,)
di Kuala Lumpur pada)

.....
RAMILAN ABDUL RAHMAN

Di hadapan saya,

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31HB. DISEMBER 2023

(Nota-Nota yang dikemukakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini)

| | Nota | 2023 RM | 2022 RM |
|--|------|------------------------------|------------------------------|
| HARTANAH DAN PERALATAN | 3 | 258,423 | 349,785 |
| ASET SEMASA | | | |
| Yuran Ahli dan Bayaran Proses Belum Terima | | 102,051 | 116,179 |
| Yuran Kursus dan Seminar Belum Terima | | 28,597 | 2,732 |
| Yuran Acara Belum Terima | | 773,614 | 143,276 |
| Pelbagai Belum Terima | | 131,469 | 53,986 |
| Pelbagai Penghutang, Deposit dan Prabayar | 4 | 1,012,322 | 607,077 |
| Tunai dan Persamaan Tunai | 5 | 2,596,930 | 3,297,134 |
| | | 4,644,983 | 4,220,384 |
| LIABILITI SEMASA | | | |
| Pembiayaan | 6 | 245,384 | 368,410 |
| Hasil Terdahulu | 7 | 2,926,857 | 2,604,777 |
| Pelbagai Pembiayaan | 8 | 304,786 | 209,100 |
| | | 3,477,027 | 3,182,287 |
| ASET SEMASA BERSIH | | <hr/> <hr/> 1,167,956 | <hr/> <hr/> 1,038,097 |
| | | <hr/> <hr/> 1,426,379 | <hr/> <hr/> 1,387,882 |
| KUMPULAN WANG TERKUMPUL | | | |
| Lebihan Terkumpul Pada 1 Januari | | 1,387,882 | 1,274,510 |
| Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Tahun Semasa | | <hr/> <hr/> 38,497 | <hr/> <hr/> 113,372 |
| Wang Terkumpul pada 31 Disember | | <hr/> <hr/> 1,426,379 | <hr/> <hr/> 1,387,882 |



PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31HB. DISEMBER 2023

(Nota-Nota yang dikemukakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini)

| | Nota | 2023 RM | 2022 RM |
|--|------|------------------|------------------|
| PENDAPATAN | | | |
| Yuran Ahli dan Bayaran Proses | | 404,998 | 339,116 |
| Yuran Kursus dan Seminar | | 336,426 | 432,907 |
| Yuran Acara | | 1,930,092 | 1,899,746 |
| Pelbagai Pendapatan | 9 | 2,443,817 | 2,418,116 |
| Keuntungan Simpanan Tetap | | 33,795 | 89,862 |
| | | 5,149,128 | 5,179,747 |
| PERBELANJAAN | | | |
| Belanja Keahlian | | 152,568 | 64,534 |
| Belanja Kursus dan Seminar | | 191,411 | 259,389 |
| Belanja Acara | | 1,322,863 | 1,388,688 |
| Belanja Pelbagai | 10 | 2,230,318 | 2,088,512 |
| Belanja Pentadbiran | 11 | 1,213,471 | 1,265,252 |
| | | 5,110,631 | 5,066,375 |
| LEBIHAN / (KURANGAN) PENDAPATAN | | 38,497 | 113,372 |

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31HB. DISEMBER 2023**

| | Nota | 2023 RM | 2022 RM |
|---|------|------------------|--------------------|
| PENERIMAAN | | | |
| Penerimaan Yuran Keahlian dan Bayaran Proses | | 372,834 | 359,987 |
| Penerimaan Yuran Kursus dan Seminar | | 153,239 | 193,320 |
| Penerimaan Yuran Acara | | 1,609,522 | 1,305,880 |
| Penerimaan Yuran Pelbagai | 12 | 3,162,376 | 1,104,758 |
| Penerimaan Dividen Simpanan Tetap | 13 | 33,795 | 89,862 |
| | | 5,331,766 | 3,053,807 |
| PEMBAYARAN | | | |
| Belanja Keahlian | | 32,924 | 12,866 |
| Belanja Kursus & Seminar | | 73,292 | 178,234 |
| Belanja Acara | | 1,457,213 | 1,150,030 |
| Belanja Pelbagai | 14 | 3,367,118 | 4,980,355 |
| Belanja Pentadbiran | 15 | 1,099,561 | 1,068,665 |
| Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan | 16 | 409 | 16,423 |
| Pembayaran kepada syarikat berkaitan | | 1,460 | 1,460 |
| | | 6,031,976 | 7,408,033 |
| LEBIHAN/ (KURANGAN) PENERIMAAN ATAS PEMBAYARAN | | (700,211) | (4,354,226) |
| BAKI PADA 1 JANUARI | | | |
| Tunai dan persamaan tunai | | 3,297,141 | 7,651,360 |
| | | 2,596,930 | 3,297,134 |
| BAKI PADA 31 DISEMBER | | | |
| Tunai dan persamaan tunai | | 2,596,930 | 3,297,134 |
| | | 2,596,930 | 3,297,134 |



NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31HB. DISEMBER 2023

1. AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Persatuan adalah membantu membangunkan industri francais untuk mewujudkan ekosistem industri francais yang mampan dan eksklusif, memberi kesedaran dan mempromosikan industri francais melalui penyelidikan & pendidikan, promosi dan perhubungan awam, perhubungan kebangsaan & antarabangsa, pengurusan acara dan pembangunan perniagaan.

2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN PENTING

a. Asas Perakaunan

Penyata kewangan ini telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan mematuhi piawaian yang diluluskan di Malaysia.

b. Hartanah dan Peralatan dan Susutnilai

Hartanah dan Peralatan dinyatakan pada kos dan ditolak susutnilai terkumpul. Susutnilai diperuntukkan atas kos setiap aset dengan ansuran tahunan yang sama sepanjang anggaran tempoh penggunaannya.

Kadar Susutnilai Tahunan adalah seperti berikut:

| | % |
|-----------------------|----|
| Komputer | 40 |
| Ubahsuai Pejabat | 15 |
| Peralatan Pejabat | 10 |
| Perabot & Kelengkapan | 10 |
| Papan Tanda | 10 |

c. Asas Pendapatan Yuran Ahli

Yuran ahli adalah diambilkira berdasarkan kepada asas akruan dan butirannya seperti berikut:

| Kategori Ahli | Jenis Ahli | Yuran Tahunan (RM) |
|-------------------|-----------------------|--------------------|
| Ahli Biasa | Francaisor | 2,000 |
| | Francaisi Induk | 2,000 |
| | Institusi Sokongan | 2,000 |
| | Francaisi | 200 |
| Ahli Bersekutu | Bakal Francaisor | 1,000 |
| | Bakal Francaisi Induk | 1,000 |
| | Institusi Sokongan | 1,000 |
| | Bakal Francaisi | 300 |
| Ahli Pelajar | Diploma/ Sarjana Muda | 50 |
| | Sarjana/ PHD | 150 |
| Ahli Antarabangsa | | 2,000 |
| Ahli Seumur Hidup | Syarikat | 30,000 |
| | Individu | 15,000 |

Kedah prorata bagi yuran keahlian akan dilaksanakan sekiranya ahli mendaftar atau menamatkan keahlian pada pertengahan tahun kewangan

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31HB. DISEMBER 2023

2. DASAR PERAKAUNAN (*sambungan*)

(a) Penerimaan

Penerimaan dibawa pada nilai perolehan yang dijangka. Anggaran dibuat bagi penerimaan yang meragukan berasaskan semakan semula semua jumlah tertunggak pada akhir tahun kewangan. Hutang lapuk dihapuskira pada tahun kewangan ia dikenalpasti.

Polisi Peruntukkan Hutang Lapuk seperti berikut:

- | | |
|--------------------|--|
| - Peruntukkan khas | Semua tunggakan hutang melebihi 3 tahun |
| - Peruntukkan am | 5% daripada tunggakan hutang kurang daripada 3 tahun |

(b) Tunai dan Bersamaan Tunai

Tunai dan bersamaan tunai meliputi wang tunai dalam tangan, baki bank, deposit permintaan, overdraf bank dan pelaburan jangka pendek berkecairan tinggi yang sedia untuk ditukar kepada jumlah wang tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

(c) Kemerosotan Nilai Simpanan Aset

